



selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 12 - 18 SEPTEMBER 2024

www.selangorkini.my

Tampal jalan guna teknologi dari UK



EXCO Infrastruktur Ir Izham Hashim memotong reben sebagai simbolik perasmian Jentera Baiki Jalan Jetpatcher Infracel (gambar bawah) di pekarangan bangunan pentadbiran negeri, Shah Alam pada 10 September 2024. Foto NUR ADIBAH AHMAD IZAM



Demonstrasi menampal jalan menggunakan Jentera Baiki Jalan Jetpatcher Infracel pada 10 September 2024

Oleh NORRASYIDAH ARSHAD

SHAH ALAM - Kerja menampal jalan berlubang di negeri ini akan menjadi lebih cepat menggunakan jentera berteknologi tinggi dari United Kingdom, Jetpatcher.

EXCO Infrastruktur Ir Izham Hashim menjelaskan jentera tersebut hanya memerlukan sekitar 15 minit untuk menampal lubang berbanding kaedah konvensional yang mengambil masa lebih sejam.

Beliau berkata Jetpatcher juga boleh digunakan ketika hujan gerimis, selain tidak memerlukan tenaga kerja yang ramai untuk menyiapkan tampalan di setiap lokasi.

"Melalui kaedah baharu ini, minimum dua orang boleh laksana turapan dan dua lagi jaga trafik. Untuk satu hari, jentera ini boleh menampal kira-kira 80 lubang jika dibuat berterusan," katanya.

Ditemui ketika pelancaran jentera bersekali Projek Turapan Mega 2024



di sini pada 10 September, beliau berkata, hasil tampalan juga memuaskan dan berkualiti berbanding kaedah biasa dalam industri binaan dan penyelenggaraan.

Ir Izham berkata jentera itu juga direka dengan ciri mesra alam yang mampu mengeluarkan karbon lebih rendah, seiring matlamat pembangunan mampan (SDG) diamalkan negeri.

"Jentera ini menghasilkan ba-

han tampalan yang panas dan ini membolehkan tampalan jalan jadi padat. Maknanya kualitinya lebih bagus dan hasil tampalan juga cantik.

"Jentera ini digunakan mulai 10 September dengan tampalan sekitar Kuala Selangor.

"Kita akan melibatkan 15 pelatih dan dipantau wakil dari UK. Kalau hasilnya baik, kita akan beli lagi," katanya.

Buka peluang kerja lebih luas

SHAH ALAM - Pelaksanaan projek kerjasama awam-swasta (PPP) membantu memacu ekonomi Selangor dan membuka peluang kerja kepada rakyat, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Menurutnya, ia termasuk projek yang membawa manfaat signifikan antaranya Lebuhraya Shah Alam, Lebuhraya Shah Alam-Ulu Kelang, Lebuhraya Damasara-Shah Alam dan Lebuhraya Setiawangsa-Pantai.

Projek lain, katanya, Balai Bomba Kinrara, sistem e-tanah, tapak pelupusan sanitari Bukit Tagar, Universiti Teknologi Mara Puncak Alam dan Dengkil serta pelabuhan Barat dan Utara.

"Projek PPP ini bukan sahaja menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi Selangor dengan menambah baik kemudahan infrastruktur utama, malah memberi manfaat sosial yang signifikan.

"Contohnya, projek pembesaran terminal kontena C10 hingga C17 di Pelabuhan Barat dengan impak ekonomi RM55 bilion serta menyumbang RM19 bilion kepada Keluaran Dalam Negara Kasar," katanya pada 9 September.

Urus sistem tanah guna teknologi AI

KUALA LUMPUR - Selangor berhasrat mengadaptasi teknologi kecerdasan buatan (AI) dalam sistem pengurusan tanah di pejabat daerah dan tanah seluruh negeri tahun depan.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata teknologi berkenaan memudahkan masyarakat memperoleh maklumat selain berupaya menangani isu penipuan.

"Pada masa depan, kaunter hadapan kita boleh dipenuhi dengan AI, hanya perlu lengkapkan data. Sebagai contoh, pengurusan tanah. Itu antara isu utama yang dibangkitkan dan kita boleh ambil cabaran itu.

"Harapnya sistem e-Tanah kita boleh diakses masyarakat. Mereka boleh gunakan untuk kenal pasti data yang tidak melanggar akta rahsia rasmi dan tidak ada lagi peranan orang tengah atau penipuan," katanya.

IMBAS DI SINI
akhbar digital minggu lepas



Shah Alam segi tiga emas Selangor

SHAH ALAM - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) melancarkan SA Sentral yang meliputi kawasan seluas 64.7 hektar sekali gus menjadi lokasi segi tiga emas baharu di Selangor.

Projek tersebut merangkum pembangunan Plaza Alam Sentral, Plaza Perang-sang, Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC), pusat beli-belah SACC, SACC Walk, Kompleks PKNS dan beberapa lokasi di Seksyen 14.

Pembangunan ikonik bandar berdampak tinggi bernilai RM3 bilion dengan ciri bandar pintar dan rendah karbon yang dijadual siap dalam masa tujuh tahun bakal menukar landskap kawasan ini.

SA Sentral yang bakal menjadi wilayah pemusatan perniagaan berkonsep pembangunan bercampur berorientasi transit iaitu semua bangunan dihubungkan antara satu sama lain.

Ia menggabungkan beberapa bangunan utama dan menyediakan prasarana antaranya ruang pejabat, peruncitan, cawangan restoran, hotel serta bilik, mesyuarat, persidangan dan pameran.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PKNS Datuk Mahmud Abbas, perencanaan berkenaan selaras

visi negeri untuk menjadi Negeri Pintar melalui inisiatif Rancangan Selangor Pertama.

"SA Sentral akan menjadi sebuah hab dinamik, menyatukan masyarakat dan merangsang pertumbuhan ekonomi selain nadi kepada bandar raya Shah Alam dengan membawa era baharu.

"Dengan lokasi strategik, infrastruktur yang canggih dan komitmen terhadap kelestarian, SA Sentral bersedia menetapkan piawaian baharu untuk kehidupan bandar di Malaysia," katanya pada 6 September.



Tarik pelabur baharu

Usaha remajakan prasarana mega

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

SHAH ALAM - Beberapa prasarana mega di negeri ini termasuk Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah (L TSAAS) di Subang perlu diremajakan semula bagi menarik pelaburan pada masa depan.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari memberitahu rancangan sama juga perlu dibuat di Pelabuhan

Klang berikutan kawasan tersebut antara lokasi tumpuan sektor ekonomi.

"Menjelang 2026, kita bakal miliki jajaran pengangkutan LRT 3 (transit aliran ringan). Dengan kemudahan ini termasuk infrastruktur mega sedia ada, ia kunci penting pembangunan negara.

"Macam lapangan terbang Subang, Pelabuhan Klang, perlu elemen peremajaan. Kalau tidak, pembangunan lama beri kesan negatif, tak beri nilai tambah kemasukan pelabur atau corak

pembangunan.

"Kita alu-alu gesaan meremajakan semula L TSAAS, telah dibentang dalam Majlis Mesyuarat Ekonomi Selangor dan diterima. Kita harap Malaysia Airports Holdings Bhd percepatkan," katanya.

Beliau berucap ketika melancarkan projek meremajakan semula bandar raya ini iaitu SA Sentral yang dijayakan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) di sini pada 6 September.

Tangani projek rumah terbengkalai

KUALA LANGAT - Langkah segera termasuk berbincang dengan Kementerian Perumahan Kerajaan Tempatan (KPKT) dijalankan bagi mengatasi masalah projek rumah terbengkalai di Morib.

Berazam membela pembeli projek Rumah Selangorku, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari memberitahu perbincangan dengan kementerian itu menunjukkan perkembangan positif.

"Kita selesaikan dahulu mengenai rumah. Kalau kita tidak selesaikan rumah, perkara lain jadi kurang bernilai. Kita selesaikan isu pokok dulu, yang lain kita kira balik.

"(Ini) kerana ia melibatkan banyak perkara. Kita perlu dapatkan semua kira-kira supaya situasinya menang-menang," katanya pada 7 September.

Sebelum ini, kira-kira 500 pembeli kediaman projek Rumah Selangorku di Morib dilapor kecewa berikutan ke-

diaman yang dijadual siap pada 2020 belum boleh diduduki.

Pembinaan pangsapuri 17 tingkat itu gagal disiapkan mengikut jadual berikutan masalah yang dihadapi pemaju perumahan tersebut.

Dalam perkembangan lain, Amirudin mengarahkan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan agensi berkaitan menyiasat tanah mendap di Flat PKNS Taman Keramat Permai, Kuala Lumpur.

Parkir percuma, bas ke pameran udara

SHAH ALAM - Pameran Udara Selangor (SAS) 2024 menyediakan perkhidmatan bas ulang-alik dan tempat letak kenderaan percuma kepada pengunjung sepanjang acara berlangsung bermula Khamis hingga Sabtu ini.

Invest Selangor Berhad memaklumkan SAS 2024 dibuka kepada pengunjung awam pada Jumaat bermula 1 tengah hari dan akses penuh tersedia sepanjang Sabtu bermula 10 pagi hingga 6 petang.

Katanya, pelawat yang tiba dengan kenderaan persendirian digalakkan parkir di kawasan Stadium Shah Alam berhadapan City Karting (Shah Alam International Go Kart Circuit) kerana tiada kemudahan parkir di lokasi acara iaitu Pusat Penerbangan Serantau (RAC) SkyPark, Bukit Jelutong.

"Setelah meletak kenderaan, pengunjung harus ke kawasan zon menunggu ditetapkan dan perkhidmatan bas ulang-alik membawa pe-

ngunjung dari Stadium Shah Alam ke pondok pengawal RAC SkyPark.

"Bas ulang-alik beroperasi setiap 15 minit bermula 8 pagi dengan bas terakhir kembali ke Stadium Shah Alam jam 7.30 malam.

"Untuk memastikan pengalaman yang lancar pengunjung dinasihat merancang perjalanan ke lokasi lebih awal kerana tempat letak kenderaan tidak tersedia di lokasi acara," katanya pada 10 September.



SELAMAT MENYAMBUT

Hari Malaysia

ikhlas daripada,

*Ahli Lembaga Pengarah,
Pengurusan serta kakitangan
Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor*

PKPS

PERBADANAN KEMAJUAN PERTANIAN SELANGOR



Pamer produk pertanian moden

SUBANG JAYA - Pelbagai produk pertanian moden dan bernilai tinggi ditampilkan dalam Pavilion Selangor sempena Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2024.

EXCO pertanian berkata produk tumpuan termasuk Vanilla Planifolia, sejenis tanaman orkid yang mempunyai nilai komersial tinggi.

Menurut Ir Izham Hashim produk lain yang turut dipamer sehingga 22 September ialah ikan Gourami (ikan air tawar), jagung bijirin berkualiti tinggi, melon Selangor, kelapa dan nanas serta produk agropelancongan.

"Kali ini tema kita selaras Pelan Transformasi Agro Selangor (PeTA), iaitu mengengahkakan pemodenan pertanian dan produk bernilai tinggi.

"Kita mahu beri kesedaran kepada pengunjung kepentingan teknologi moden dalam pertanian supaya produk atau tanaman diusahakan lebih produktif dan efisien," katanya di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (Maeps) pada 11 September.

Subsidi tambang bas 99 sekolah

SHAH ALAM - Peruntukan RM1.03 juta disediakan untuk disalurkan sebagai subsidi Tambang Bas Sekolah kepada 99 Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) di seluruh daerah di Selangor.

EXCO Pembasmian Kemiskinan V Paparaidu memberitahu seramai 3,246 pelajar dari kalangan keluarga berpendapatan rendah menerima manfaat RM300 seorang yang diagih dalam dua fasa.

Beliau menambah seramai 334 pelajar menerima baucar subsidi fasa pertama melalui peruntukan RM100,200 manakala RM927,600 lagi kepada 3,092 pelajar fasa dua.

"Peruntukan ini kebanyakannya diterima anak pekerja ladang daripada keluarga berpendapatan rendah yang biasanya bersekolah agak jauh daripada rumah mereka.

"Kita harap bantuan ini meringankan beban ibu bapa dan penjaga dalam membayar tambang bas sekolah anak sekali gus memelihara kebajikan pelajar," katanya pada 7 September.

Beliau berharap bantuan tersebut disalurkan dalam tempoh tiga hari kepada pelajar yang layak.

Bina 41,000 rumah mampu milik

SHAH ALAM - Kira-kira 41,000 unit Rumah Idaman dibina secara berperingkat sehingga 2028 demi membantu penduduk negeri ini memiliki kediaman mampu milik dan selesa.

Dato' Seri Amirudin Shari memberitahu semua projek tersebut dibangunkan di kawasan strategik dan berpotensi sekali gus meningkatkan pemilikan rumah dalam kalangan rakyat.

"Secara keseluruhannya ada kira-kira 4,000 unit hasil kerjasama Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) dengan Gagasan Nadi Cergas Berhad," kata Dato' Menteri Besar selepas majlis

pecah tanah pada 6 September.

Kelebihan projek Rumah Idaman Amani di Bandar Elmina di sini antaranya setiap unit dilengkapi perabot, televisyen, peti sejuk, kabinet dapur, almari, pemanas air dan pendingin hawa.

Amirudin menjelaskan projek berkeuntungan usaha sama ketiga Kumpulan PNSB bersama Gagasan Nadi Cergas Berhad bagi menjayakan pembangunan Rumah Idaman.

Beliau merujuk 1,260 unit Rumah Idaman Bukit Jelutong, Idaman Kwasa Damansara Fasa Satu kira-kira 1,800 dan terbaharu 1,063 unit Rumah Idaman

Amani di Bandar Elmina.

Pengerusi Kumpulan Gagasan Nadi Cergas Berhad Ir Dr Muhamad Fuad Abdullah pula berkata pihaknya beriltizam untuk terus menyokong dan memenuhi aspirasi dan sasaran Kerajaan Negeri.

"Projek Idaman Bukit Jelutong berjumlah 1,260 unit pembinaannya kini telah mencapai hampir 70 peratus dan dijangka siap sepenuhnya hujung tahun depan," katanya.

Projek Rumah Idaman Amani merangkumi 1,063 unit pangsapuri mampu milik separa berperabot, bakal dibina di Bandar Elmina.

1,063 rumah mampu milik di Elmina

Kediaman separa perabot siap 2028

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANUAR**

SHAH ALAM - Selangor membangunkan satu lagi projek Rumah Idaman merangkumi 1,063 unit pangsapuri mampu milik separa berperabot di Bandar Elmina di sini.

Dijangka siap menjelang 2028, projek Rumah Idaman Amani berkeluasan antara 1,000 hingga 1,120 kaki persegi dilengkapi tiga bilik tidur manakala harganya bermula RM250,000 seunit.

Projek bernilai RM286 juta itu dibangunkan Gagasan Nadi Cergas Berhad dengan kerjasama Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) melalui anak syarikatnya PNSB Con-

struction Sdn Bhd.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata pembinaan pangsapuri dua blok setinggi 32 tingkat itu antara usaha pentadbiran negeri bagi membantu rakyat memiliki rumah sendiri.

"Projek ini akan membuka peluang kepada rakyat untuk memiliki rumah mampu milik dalam persekitaran yang berkembang maju dan serba lengkap.

"Kita bukan hanya melancarkan rumah tetapi kita menyediakan ekosistem yang kukuh untuk rakyat dengan zon kediaman, perdagangan dan perindustrian yang luas di Bandar Elmina," katanya.

Beliau ditemui selepas menyempurnakan majlis pecah tanah projek berkeuntungan pada 6 September.

Turut hadir, Ketua Pegawai Eksekutif PNSB Raja Ahmad Shahrir Iskandar Raja Salim, Pengerusi Kumpulan Gagasan Nadi Cergas Berhad Ir Dr Muhamad Fuad Abdullah.

Dibangunkan atas tapak seluas 8.9 ekar, Rumah Idaman Amani dilengkapi perabot dan kelengkapan asas seperti televisyen, peti sejuk, kabinet dapur, almari, pemanas air dan pendingin hawa.

Turut disediakan kemudahan lain antaranya kolam renang, dewan komuniti, gimnasium, trek jogging, surau dan sistem keselamatan demi kelesaan bakal penghuninya.

Sasar 6,000 unit Skim Smart Sewa

SHAH ALAM - Sebanyak 6,000 unit rumah mampu milik disediakan melalui Skim Smart Sewa menjelang 2026 bagi membantu penduduk negeri untuk memiliki kediaman sendiri.

EXCO Perumahan Datuk Borhan Aman Shah menjelaskan hampir 2,000 unit diletak bawah skim berkenaan pada masa ini dan sambutan baik berikutan kadar sewanya berpatutan.

Beliau menambah skim tersebut tertumpu di kawasan pembangunan atau bandar antaranya Gombak, Hulu Langat, Petaling Jaya dan Subang sebelum diperluas ke kawasan lain.

"Skim ini membolehkan mereka memiliki kediaman kerana 30 peratus kadar sewa dijadikan deposit untuk membeli Rumah Idaman atau Rumah Harapan selepas lima tahun," katanya pada 6 September.

Program berkenaan memberi peluang kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana untuk memiliki kediaman sendiri dalam tempoh sewaan maksimum lima tahun.

Sebanyak 30 peratus daripada jumlah sewaan bersih yang dibayar dipulangkan semula sebagai pendahuluan apabila mereka tidak lagi tinggal di unit berkenaan.

WAKTU SOLAT	12-18 SEPTEMBER 2024	Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang							Klang dan Kuala Langat							Sabak Bernam dan Kuala Selangor						
		Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
12 Khamis		5:48	5:58	7:04	1:12	4:13	7:16	8:25	5:48	5:58	7:05	1:13	4:14	7:16	8:25	5:50	6:00	7:05	1:15	4:14	7:18	8:27
13 Jumaat		5:47	5:57	7:04	1:12	4:12	7:15	8:24	5:48	5:58	7:05	1:12	4:13	7:15	8:24	5:50	6:00	7:05	1:14	4:14	7:17	8:26
14 Sabtu		5:47	5:57	7:03	1:12	4:12	7:15	8:24	5:48	5:58	7:04	1:12	4:12	7:15	8:24	5:50	6:00	7:05	1:14	4:14	7:17	8:26
15 Ahad		5:47	5:57	7:03	1:11	4:12	7:14	8:23	5:48	5:58	7:04	1:12	4:12	7:15	8:23	5:49	5:59	7:05	1:13	4:15	7:16	8:25
16 Isnin		5:47	5:57	7:03	1:11	4:13	7:14	8:23	5:48	5:58	7:04	1:11	4:13	7:14	8:23	5:49	5:59	7:04	1:13	4:15	7:16	8:25
17 Selasa		5:47	5:57	7:03	1:10	4:13	7:13	8:22	5:47	5:57	7:04	1:11	4:13	7:14	8:22	5:49	5:59	7:04	1:13	4:15	7:16	8:24
18 Rabu		5:46	5:56	7:02	1:10	4:13	7:13	8:22	5:47	5:57	7:03	1:11	4:13	7:13	8:22	5:49	5:59	7:04	1:12	4:16	7:15	8:24



MODERN... Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari (lima, kanan) diiringi Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor Dato' Mahmud Abbas (tengah) melihat replika pembangunan SA Sentral selepas perasmian di Galeria Sentral, Shah Alam pada 6 September. Foto AHMAD ZAKKI JILAN ▶ BERITA MUKA 2

Panduan rencana pembangunan negeri

Sasar kekal prestasi KDNK

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANNUAR**

SEPAANG - Pelan Induk Kerjasama Awam-Swasta 2030 (PIKAS 2030) membantu Selangor untuk merencana pembangunan negeri supaya terus kekal sebagai penyumbang terbesar ekonomi negara.

Dato' Menteri Besar berkata usaha tersebut penting berikutan banyak kemudahan awam mega di negeri itu seperti lebuh raya, institusi pendidikan, infrastruktur awam dan lapangan terbang.

Projek mega tersebut antaranya Lebuhraya Lebuhraya Shah Alam, Lebuhraya Shah Alam-Ulu Kelang, Lebuhraya Damasara-Shah Alam, Lebuhraya Setiawangsa-Pantai dan Balai Bomba Kinrara.

Selain itu, sistem e-tanah, tapak pelupusan sanitari Bukit Tagar, Universiti Teknologi Mara Puncak Alam dan Dengkil, pelabuhan barat dan utara serta Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur.

"Hasil kerjasama erat antara negeri dan persekutuan, kita berjaya meningkatkan sumbangan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) kepada 25.9 peratus pada 2023 dan dijangka bertambah.

"(Justeru), Selangor akan sedia berganding tangan dan bersedia menyahut pelaksanaan pelan ini demi kesejahteraan rakyat," kata Dato' Seri Amirudin Shari pada 9 September.

Beliau berucap dalam majlis peluncuran PIKAS 2030 di sini yang di-sempurnakan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim bagi mengukuhkan tatakelola dan pengurusan projek awam-swasta.

Dalam pada itu, Amirudin menambah Rancangan Selangor Pertama (RS-1) berkait rapat dengan PIKAS, yang menitik berat inisiatif dan projek kerajaan serta swasta.

"Melalui penyenaian, penyusunan dan koordinasi projek ini, kita dapat bangunkan negeri yang tepu bina seperti regenerasi atau membangun semula kawasan bandar yang wujud sejak 1970-an," katanya.

PIKAS diperkenal untuk mempercepat pertumbuhan ekonomi dan menguruskan cabaran fiskal, dengan menyediakan landskap kerjasama awam-swasta yang teguh serta mampan.

Ia juga kesinambungan dasar dan garis panduan kerjasama awam-swasta sedia ada yang diberi nilai tambah, dengan hala tuju lebih jelas dan terangkum.

Tangkap 1.72 tan ikan bandar raya

SHAH ALAM - Sebanyak 1.72 tan ikan bandar raya atau Hypostomus ditangkap sejak program pemburuan hidupan pemangsa itu bermula 1 September, kata EXCO pertanian.

Ir Izham Hashim berkata insentif RM1 bagi setiap kilogram tangkapan di Denai Sungai Kebangsaan, Hulu Langat menerima sambutan menggalakkan pemancing.

"Setakat Ahad lalu (8 September), kita terima 1.72 tan tangkapan ikan bandar raya. Jumlah itu agak baik kerana program kita pun baru bermula tidak sampai dua minggu.

"Setiap minggu, kita terima kehadiran purata 60 pemancing dan kita harap jumlah itu akan bertambah pada akhir bulan ini untuk bantu capai sasaran," katanya pada 10 September.

Menurut Ir Izham, semua hasil tangkapan dibawa ke pusat memproses khas untuk dilupus dan dijadikan makanan haiwan serta baja organik menggunakan Teknologi Bio-Nano Yanisys.

"Ikan bandar raya memiliki kualiti mikro-nutrien yang tinggi sebagai makanan haiwan dan baja organik selain berpotensi untuk dikomersialkan," katanya.

Sebelum ini, Kerajaan Negeri memperuntuk RM50,000 bagi menganjurkan program tersebut dengan sasaran 50 tan tangkapan menjelang akhir bulan ini.

ONE EQUINE

Kuota Bumiputera Tersedia
10% Bumi Diskaun
Harga Dari
RM235,000*

Tertakluk kepada terma dan syarat *

Taman Sentral
6.08 Ekar Kemudahan Rekreasi di dalam kediaman anda sendiri

Komuniti
Komuniti berpagar dan berkawal di mana kasih dan kehidupan berkembang maju

Kemudahan berdekatan
Mudah diakses ke MEX, LDP, SKVE & Lebuhraya Utara-Selatan. Van Shuttle ke Stesen MRT Taman Equine

Kesalinghubungan
Dikelilingi oleh kemudahan matang dan pusat membeli-belah

Keselesaan
Ruang kreatif dari unit kunci dua, 2-4 bilik tidur dengan kunci pintu pintar

Enso Development Sdn Bhd 1308685-C
104-019, Menara Lina, No. 45, Jalan 34/26, 51300 Wangsa Maju, Kuala Lumpur, Tel 03 48161616 Fax 03 48161617

One Equine Sales Gallery **018-223 2345** www.one-equine.com.my

Developer License No: 20099-10-2026-0362(A) | Validity From: 27/02/2023 - 26/02/2026 | Advertising & Sales Permit No: 20099-2-05-2026-0366(A)-S1 | Validity From: 23/05/2023 - 22/05/2026 | Tenure: Leasehold 99 years (Expiry 12 May 2108) | Land Encumbrances: Malaysian Banking Berhad | Restriction in Interest: This land can be transferred, leased or charged, upon obtaining the prior consent from State Authority | Expected Date of Completion: September 2027 | No. of Units: 537 (Tower C) | Type of Property: Serviced Apartment | Price from RM429,200 (min) - RM707,900 (max) | No. of Units: 891 (Tower D) | Type of Property: SHD | Price from RM330,000 (min) - RM383,000 (max) | Approving Authority: Majlis Bandaraya Subang Jaya Building Plan Reference Number: MPSJ.BGN.BPL.600.1/10/5/4351.

All information/ layout/ design/specification/ plans contained herein (collectively, "Information") are intended to serve as guide only and/or are artists' impression only. The Information herein are not a representation of the actual unit and do not form part of an offer or contract. All measurements are approximate. The Information is subject to approval by the relevant authorities and may be amended as required advised by the relevant authorities and/or project consultants without further notice to you. While all care has been taken in preparing this material, we are not responsible for any inaccuracy or variation in the information herein. Please refer to the Sale and Purchase Agreement for the specification and layout of the actual unit.

Tunggu panduan tubuh pusat data

KUALA LUMPUR - Selangor menunggu garis panduan Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) untuk menubuhkan pusat data berskala besar di negeri ini.

EXCO Pelaburan Ng Sze Han menjelaskan kemudahan itu bakal disiapkan dalam masa terdekat bagi memenuhi permintaan pemain industri utama, sekali gus memberi kesan kepada ekonomi negara.

"Banyak persoalan mengenai kebolehan negeri membina lebih banyak pusat data, yang memerlukan banyak tenaga dan air, selain keperluan melihat kesannya terhadap ekonomi dari segi pekerjaan.

"Tetapi secara keseluruhan, saya yakin bahawa negeri ini mempunyai pemain dan vendor tempatan yang mencukupi yang boleh menyokong pusat-pusat ini," katanya pada 5 September.

Siap siaga sebarang bencana

SHAH ALAM - Selangor memantau perubahan cuaca yang tidak menentu ketika ini yang berpotensi berlakunya sebarang bencana alam, kata EXCO pengurusan bencana.

Najwan Halimi berkata Unit Pengurusan Bencana sentiasa bekerjasama dengan Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) bagi mendapat maklumat terkini keadaan cuaca.

"Proses pemantauan sentiasa dilakukan kerana cuaca tidak menentu ketika ini dan kita juga siap siaga sekiranya berlaku insiden tidak dijangka," katanya pada 10 September.

Beliau memaklumkan pihaknya akan berbincang dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat untuk meneliti semula setiap kemudahan di pusat pemindahan sementara bagi memastikan ia mesra warga emas serta orang kurang upaya.

Sasar 2,700 terima manfaat digital niaga

HULU LANGAT - Hampir 2,700 usahawan disasar menerima manfaat program Selangor 1000 Digital yang akan menjelajah seluruh negeri sehingga tahun depan.

EXCO Keusahawanan Najwan Halimi memberitahu program berkenaan dilaksanakan di daerah Petaling, Sabak Bernam, Sepang dan terbaharu di Hulu Langat sebelum berakhir di Gombak tahun ini.

"Tahun depan kita akan teruskan ke empat lagi daerah (Kuala Langat, Hulu Selangor, Kuala Selangor dan Klang).

"Program ini memberi pendedahan kepada peserta bagaimana untuk memanfaatkan teknologi atau pendigitalan untuk membawa perniagaan mereka ke peringkat lebih tinggi," katanya pada 5 September.

Rekod RM20.4 juta nilai jualan murah

SHAH ALAM -Program jualan murah barangan asas kendalian Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) merekod nilai jualan sebanyak RM20.4 juta bagi tempoh Januari hingga Ogos.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulannya Datuk Dr Mohamad Khairil Mohamad Razi berkata nilai Jualan Ehsan Rahmah (JER) itu meningkat lebih 50 peratus berbanding tahun lalu.

"Nilai jualan direkodkan tahun ini RM20.4 juta bagi Januari hingga Ogos. Jumlah ini meningkat lebih 55 peratus berbanding RM11.4 juta untuk tempoh sama pada tahun lalu.

"Jumlah ini diperoleh membabitkan 628 lokasi penganjuran program JER di 56 Dewan Undangan Negeri (DUN) seluruh Selangor. Antara barangan laris ayam, telur dan beras," katanya pada 10 September.

Program jualan murah berlangsung di lebih 1,800 lokasi tahun ini, tidak termasuk penganjuran di cawangan pasar raya Segi Fresh pada hujung minggu.

Pada 8 September, PKPS melancarkan pembukaan Pasar Raya Ehsan Mart yang menawarkan barangan asas sehingga 15 peratus lebih rendah berbanding harga pasaran luar dan bakal diperluas ke seluruh DUN.

Pertimbang ambil alih IWK negeri

Tubuh suruhanjaya urus sumber air

Oleh **DANIAL DZULKIFLY**

SHAH ALAM - Selangor bakal menubuhkan badan khas dikenali sebagai Suruhanjaya Air Selangor (SAS), bagi melindungi sumber air negeri termasuk pengurusan kumbahan.

EXCO infrastruktur berkata status Jawatankuasa Skim Jaminan Air Mentah (SJAM) juga bakal dinaikkan kepada SAS untuk mengurus isu air bawah satu pentadbiran.

Menurut Ir Izham Hashim, negeri turut mempertimbang untuk mengam-

bil alih cabang syarikat pembentungan Indah Water Konsortium (IWK) Sdn Bhd, sebahagian daripada inisiatif itu.

"Negeri ini memerlukan rangka kerja undang-undang yang kukuh untuk melindungi sumber airnya. Sebab itulah kami sedang mempertimbangkan untuk mengambil alih IWK Selangor.

"SAS akan membolehkan pengurusan aset air lebih bersepadu di negeri ini. Sehingga kini, tiada negeri lain yang melakukannya," katanya dalam wawancara bersama Selangor Journal, baru-baru ini.

Tidak menetapkan garis masa bagi

pelaksanaannya, jelasnya, langkah itu akan menyatukan agensi termasuk Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) dan Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor).

Ir Izham menyatakan penubuhan SAS tidak bertentangan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), berikutan ia turut melibatkan pengurusan kumbahan.

Tambahnya, suruhanjaya itu sebahagian pelan pengurusan air komprehensif negeri, merangkumi perancangan aset air dan strategi mitigasi banjir jangka pendek, sederhana dan panjang.

Cadang bina 'lebuhraya' air

SHAH ALAM - Selangor mencadangkan pelan lebuhraya air bernilai RM5 bilion, yang akan menghubungkan laluan air dari Kuala Lumpur ke Sungai Klang dan mengalir terus ke laut.

EXCO infrastruktur berkata "lebuhraya" serupa dengan saluran air atau terowong itu bertujuan menyalurkan lebihan air ke laut, sekali gus mengatasi masalah banjir di Lembah Klang.

Menurut Ir Izham Hashim, rancangan itu dicadangkan kepada kerajaan persekutuan, tertumpu di kawasan tanah

rendah yang sering dilanda banjir di lembah tersebut.

"Idea ini untuk menyalurkan semua air yang dikumpul di Kuala Lumpur dan membawanya terus ke laut supaya tidak menyebabkan banjir di sepanjang sungai-sungai utama di Lembah Klang.

"Jika terdapat sebarang ketidaknormalan dalam paras air seperti semasa hujan, lebuhraya ini akan membawa air terus ke laut," katanya dalam wawancara bersama Selangor Journal, baru-baru ini.

Beliau menjelaskan lebuhraya terse-

but akan membantu menyelesaikan masalah banjir selain menggunakan lebihan air semasa kecemasan seperti kemarau.

Menurut Ir Izham, cadangan itu dibentangkan kepada Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Fadillah Yusof, yang juga menteri peralihan tenaga dan transformasi air.

"Kami sedang mengemukakan cadangan ini kepada Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim. Projek ini adalah satu lagi perubahan besar, tetapi ia mesti dilaksanakan dengan betul," katanya.

Sedia peluang kerja berdampak tinggi

KUALA LUMPUR - Projek berdampak tinggi yang disenarai bawah Rancangan Selangor Pertama (RS-1) bertujuan membantu negara mengembalikan status Harimau Asia, kata EXCO pelaburan.

Ng Sze Han berkata pelan itu menumpukan usaha mewujudkan ekosistem yang lebih lengkap untuk industri utama seperti automotif, logistik, semikonduktor, penerbangan dan aeroangkasa.

"Ini semua (rancangan RS-1) adalah industri berdampak tinggi yang memberikan kesan positif kepada ekonomi

dan mampu menyediakan gaji tinggi kepada rakyat.

"Projek ini satu bentuk khidmat negara kerana kita di landasan betul untuk menyumbang lebih kepada ekonomi negara, seterusnya membantu Malaysia mencapai status Harimau Asia," katanya.

Beliau mewakili Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari dalam sesi Bicara Bersama Menteri Besar: Kajian Separuh Penggal RS-1 di sini pada 5 September.

Malaysia pernah dianggap sebagai

'Harimau Asia', istilah yang digunakan untuk menggambarkan ekonomi yang berkembang pesat di Asia, pada akhir 1980-an dan awal 1990-an.

Bagaimanapun, statusnya merosot pada akhir 1990-an disebabkan krisis kewangan Asia 1997.

Selain itu, Sze Han berkata Selangor bertekad menyediakan lebih banyak pekerjaan berdampak tinggi dalam industri kompleks bagi menangani inflasi, berbanding bergantung kepada subsidi.

Rangka pelan keperluan air tambahan

Utama keselamatan tapak pembangunan

Oleh FITRI HAZIM HAZAM

KUALA LANGAT - Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) menjalankan siasatan rapi bagi mengenal pasti punca tebing runtuh dalam projek Skim Bekalan Air Sungai Rasau (peringkat 1).

Menurut EXCO Infrastruktur Ir Izham Hashim, siasatan terhadap kejadian pada 7 September itu melibatkan perunding lantikan Air Selangor yang memiliki kepakaran bidang geotek.

Menjelaskan laporan lengkap dibentang dalam masa tiga bulan, beliau berkata tapak pembinaan tersebut disita untuk memberi ruang siasatan selain mengelak kejadian tidak diingini.

"Pandangan awal kita dapati tiada pelanggaran syarat pembinaan dibuat malah tiada arus pergerakan air yang

kuat di tasik sebelah (kawasan pembinaan).

"Paras air juga sama, tiada longgokan dan tambakan tanah di kawasan tersebut. Semua berlaku dengan mengejut dan kita akan siasat," katanya selepas melawat kawasan itu pada 8 September.

Izham memberitahu perunding akan menjalankan kajian terperinci bagi mengenal pasti kerosakan dan struktur pembinaan yang perlu dibaiki semula bagi meneruskan projek bekalan air tersebut.

"Kita anggar dalam setahun untuk selesai semua ini, sebelum kita teruskan semula projek. Kalau boleh selesai lagi awal, lebih bagus, kalau tidak dalam tempoh setahun.

"Kejadian ini sedikit menjejaskan rancangan pembekalan air tetapi kita ada langkah lain. Kita merangka pelan penuhi keperluan air tambahan kepada Air Selangor untuk tahun de-

pan," katanya.

Beliau turut memberi jaminan kawasan pembinaan berada dalam keadaan terkawal dan pemantauan kerap akan dibuat bagi memastikan keselamatan pekerja, orang awam dan alam sekitar terjamin.

Katanya, tiada kemalangan jiwa membabitkan 169 pekerja berikutan kejadian berkenaan dikesan awal sebelum langkah keselamatan segera diambil termasuk siren dibunyikan.

Gamuda Berhad dalam kenyataan pula memaklumkan semua kerja pembinaan di tapak projek itu dihentikan sementara bagi menilai keadaan dan melaksanakan protokol keselamatan tambahan.

"Semua pihak di tapak pembinaan bekerjasama rapat dengan pihak berkuasa tempatan dan pakar untuk menyiasat punca kejadian dan menentukan tindakan sesuai," katanya.

Premis Ehsan Mart memudahkan pembeli

SHAH ALAM - Pembukaan pasar raya Ehsan Mart memudahkan penduduk Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Tua berbelanja pada kadar murah tanpa tertunggu-tunggu Jualan Ehsan Rahmah (JER).

Suri rumah Che Siah Saad, 62, berkata penduduk tidak perlu lagi meneliti jadual giliran JER selain tidak berebut untuk mendapatkan nombor atau beratur panjang sejak awal pagi.

"Hanya datang ke kedai dan beli barang keperluan. Terima kasih Kerajaan Negeri kerana sediakan kemudahan ini terutamanya kepada warga emas seperti saya," katanya pada 8 September.

Pesara A Lecthumy, 61, pula berharap lebih banyak barangan keperluan harian dijual di Pasar Raya Ehsan Mart setanding pasar raya terkemuka lain.

"Saya dan suami gembira apabila tahu ada Pasar Raya Ehsan Mart tetapi saya harap ada lebih banyak pilihan barangan. Bantu keluarga kurang berkemampuan seperti saya berjimat," katanya pada 8 September.

Pasar raya kendalian PKPS Ehsan Agrotech Sdn Bhd menawarkan jualan barangan asas pada harga 10 peratus hingga 15 peratus lebih rendah berbanding nilai pasaran.

PKNS
NOTIS PEMAKLUMAN

Kerja-kerja pembinaan Boulevard di Seksyen 14, Shah Alam telah bermula pada 2 September 2024 dan dijangka siap pada Mac 2025.

Dalam tempoh ini, beberapa jalan di kawasan tersebut akan ditutup bagi memastikan proses pembinaan berjalan lancar dan keselamatan orang ramai terjamin.

Namun, perniagaan di SACC Mall dan Kompleks PKNS Shah Alam tetap beroperasi seperti biasa. Para pengunjung masih dapat menikmati kemudahan membeli-belah, menjamu selera, dan beriadah tanpa sebarang gangguan.

Pastikan anda merancang perjalanan dengan baik untuk mengelakkan sebarang kesulitan sepanjang tempoh pembinaan ini.

Sekian, terima kasih.

Dikeluarkan oleh:
Bahagian Komunikasi Korporat
Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor

Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor | pkns_corporation | pkns_corporation | PKNS OFFICIAL | PKNS OFFICIAL

Kejayaan Paralimpik suntik semangat

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri bertekad untuk menyediakan kemudahan dan sokongan lebih baik bagi membantu kehidupan anak-anak istimewa seterusnya memastikan hak kelompok itu terpelihara.

EXCO Kebajikan Masyarakat Anfaal Saari berkata kejayaan dalam temasya Paralimpik membuktikan orang kurang upaya (OKU) mampu memberi inspirasi dalam agenda memberdaya kumpulan istimewa.

"OKU menjadi hero Malaysia. Dua pingat emas berturut-turut dicapai, acara badminton oleh Cheah Liek Hou dan Bonnie Bunyau Anak Gustin catat rekod dunia baharu sukan angkat berat.

"Dengan adanya program terancang dan sokongan masyarakat, saya yakin anak-anak istimewa mampu mencapai kejayaan cemerlang dan menyumbang kepada kemajuan negara," katanya pada 7 September.

Bimbing pengasuh dari rumah

SHAH ALAM - Kira-kira 660 pengasuh dari rumah menerima latihan bawah program Iltizam Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-Kanak (IMPAK) setakat ini.

EXCO Pembangunan Wanita Anfaal Saari berkata semua peserta dibimbing melalui Kursus Insentif Perkembangan Kanak-Kanak (KIPK).

"Buat masa sekarang IMPAK sudah berjalan sekitar 10 siri dan ia akan diteruskan bagi memastikan lebih ramai pengasuh menerima manfaat menerusi kursus tersebut," katanya baru-baru ini.

Kerajaan Negeri menyasar 1,000 pengasuh menjalani program IMPAK tahun ini dan mereka yang berminat boleh mendaftar di mpak.yawas.com.my

Peserta yang terpilih menjalani KIPK secara percuma turut berpeluang menerima geran bernilai RM2,000 setiap seorang.

Kerjasama kursus didik kanak-kanak

SHAH ALAM - Selangor mengatur kerjasama dengan institusi pendidikan Australia, Technical and Further Education (TAFE) Victoria untuk kursus pensijilan mikro bagi pendidikan awal kanak-kanak.

EXCO Pembangunan Wanita Anfaal Saari berkata kursus sebelum akhir tahun ini bakal melibatkan kira-kira 30 pengasuh yang akan mengikuti kursus jangka pendek dengan institusi berkenaan.

"Pengasuh yang hadir untuk kursus jangka pendek ini akan menerima penauliah berkaitan pendidikan awal kanak-kanak dan mereka boleh jadi jurulatih kepada pengasuh lain nanti.

"Selain boleh tambah nilai pengasuh terutama pengasuh di rumah, program ini juga akan memperkasa ekosistem pendidikan awal kanak-kanak negeri," katanya baru-baru ini.

Sasar 50,000 sertai PLATS 2025

SHAH ALAM - Seramai 40,333 usahawan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) berdaftar dengan Platform Selangor (PLATS) sejak diperkenalkan pada 2020.

Ketua Yayasan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI Ahmad Azri Zainal Nor berkata Kerajaan Negeri menyasar 50,000 peniaga menyertai PLATS menjelang tahun depan.

"PLATS asalnya idea Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari ketika pandemik Covid-19, perniagaan tidak boleh dilaksanakan secara terbuka.

Ketika itu dikenali dengan program E-kitchen melalui kerjasama dengan Grab.

"Sejumlah 133 orang diberi bantuan tunai untuk laksana perniagaan secara online. Kerajaan Negeri ingin memperluaskan pemberian bantuan dengan menjalin kerjasama dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk peroleh data peniaga.

"Melalui kerjasama baik dengan 12 PBT ini kita jenamakan ke PLATS kini 40,333 berdaftar melalui saringan dibuat dan mereka yang tidak aktif

lagi dalam perniagaan kita keluar dari senarai (data)," katanya pada 6 September.

Ahmad Azri memaklumkan melalui PLATS juga peniaga mendapat akses kepada bantuan pendigitalan yang membolehkan perniagaan mereka beralih ke ekonomi digital dengan lebih efektif.

Tambahnya, platform itu menyediakan akses kepada bantuan pembiayaan sejumlah RM3,000 tanpa faedah melalui inisiatif PLATS Biaya bagi mengembangkan perniagaan.

Lancar kempen pendidikan seks

Cegah kanak-kanak jadi mangsa

Oleh **SOFIA NASIR**

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri bercadang untuk melancarkan kempen pendidikan seksual kepada kanak-kanak sebagai langkah pendedahan sekaligus mengelakkan golongan berkenaan menjadi mangsa.

EXCO Pembangunan Masyarakat Anfaal Saari berkata rancangan tersebut akan dibincang bersama Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) serta pejabat pendidikan daerah.

"Kita mahu rangka dan dedahkan kanak-kanak dengan isu pendidikan seks. Kita mahu mengadakan kempen sebab kita perlu guna cara pendedahan sesuai untuk memberi pemahaman kepada mereka.

"Perkara paling asas mungkin ajar mereka tentang bahagian badan mana

boleh disentuh dan apa tindakan kalau mereka tidak selesa disentuh," katanya pada 7 September.

Sebelum ini, wakil rakyat Taman Templer berkata pihaknya melancarkan kempen keselamatan kanak-kanak dalam kereta dan mendapat maklum balas positif apabila kes itu semakin berkurang.

Berhubung kejadian tular melibatkan gelagat seorang pemandu bas sekolah, Anfaal meminta orang ramai tidak menganggap kejadian itu sebagai kebiasaan meski dilakukan ahli keluarga sendiri.

"Pemandu kena pastikan keselamatan kanak-kanak bukan hanya sampai ke lokasi tetapi perlu menjaga mereka sepanjang perjalanan. Mereka tidak boleh diganggu," katanya.



Pada 6 September, polis menahan pemuda berusia 24 tahun yang memuat naik rakaman pelajar yang didakwanya sebagai orang disukainya atau 'crush' dan 'kesayangan' di media sosial.

Hantaran itu mendapat kecaman golongan ibu bapa yang berpendapat kandungan berkenaan tidak sesuai dan boleh dianggap sebagai gangguan seks terhadap kanak-kanak.

Pemilik akaun yang menggunakan nama 'Abang Bas' mempunyai lebih 600,000 pengikut memuat naik video ketika memandu dengan wajah pelajar jelas kelihatan di belakangnya.

Tertuduh yang didakwa di Mahkamah Sesyen Muar, Johor 10 September mengaku tidak bersalah sejurus dua pertuduhan terhadapnya dibacakan oleh jurubahasa di hadapan Hakim Sayani Mohd Nor.

Promosi khidmat iring ke Makkah

HULU LANGAT - Pendedahan kepada platform digital terutama media sosial yang bergerak pantas membantu ramai usahawan mengembang dan mempromosi perniagaan secara meluas.

Di negeri ini, usaha itu diterjemah menerusi program Selangor 1000 Digital, yang dilaksanakan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI bersama beberapa agensi.

Usahawan Muhammad A'zizul Haziq Roslan, 38, berkata program itu memberi maklumat terperinci segmen pelanggan syarikatnya, yang menawarkan perkhidmatan pengiring peribadi jemaah haji dan umrah.

Beliau menggunakan kaedah konvensional berikutan perniagaan itu belum menembusi media sosial kerana kebanyakan pelanggannya warga emas dan tidak mahir menggunakan pelantar tersebut.

"Di sini saya dapat maklumat, contohnya berapa ramai mereka yang dalam sasaran pasaran saya menggunakan TikTok. Platform itu sangat membantu saya untuk kembangkan promosi dalam talian.

"Biasanya saya ke masjid dan surau untuk promosi perkhidmatan syarikat, jadi melalui program ini, saya

dapat idea untuk kembangkan kepada platform digital," katanya pada 5 September.

Pelajar Kolej Komuniti Hulu Langat Zaidatul Alisa Najwa Mohd Faris, 19, pula berkata program itu memberi peluang kepadanya dan dua lagi rakan meneroka peluang pendapatan melalui TikTok.

"Kita dapat belajar mengenai TikTok Shop dan Tiktok for Business untuk menjana pendapatan tanpa modal. Sangat bermanfaat untuk kumpul ilmu baharu," katanya.

EXCO Keusahawanan Najwan Halimi menyempurnakan perasmian program tersebut di Dewan Seri Chempaka, Kajang yang menarik penyertaan 450 peserta.





Selangor terbang tinggi



Oleh DANIAL DZULKIFLY

Selangor memanfaatkan kelebihan ekonomi dan sumber tenaga kerjanya yang besar untuk menjadi hab aeroangkasa dan penerbangan rantau Asean.

Sehubungan itu, negeri sekali lagi menganjurkan Pameran Udara Selangor (SAS) 2024 dengan jangkaan peningkatan penyertaan syarikat penerbangan domestik dan antarabangsa.

Ia termasuk kumpulan pakar komponen pesawat, sistem, bahan dan perkhidmatan penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO).

Disertai syarikat terkemuka antaranya Textron, Gulfstream, dan Dassault Aviation, SAS tahun lalu menarik penyertaan 109 syarikat tempatan dan asing, mempamerkan reka bentuk dan kepakaran masing-masing.

Memorandum persefahaman (MoU) bernilai RM823 juta juga berjaya dimeterai, membuktikan pameran berprestij itu antara pemacu utama pertumbuhan ekonomi.

Pada acara berkenaan dipamerkan 49 pesawat secara pegun dari negara pelopor industri penerbangan seperti Amerika Syarikat, Denmark, Perancis



dan Singapura.

Seramai 19,217 pelawat direkodkan, kebanyakannya dari negara luar, isyarat SAS acara pameran udara terkemuka rantau ini.

Tahun ini, Invest Selangor Berhad (Invest Selangor) sebagai penganjur menyasarkan jumlah pengunjung perdagangan dan awam lebih tinggi iaitu lebih 25,000 orang dari rantau ini. Malah lebih 20,000 individu sudah pun mendaftar dua minggu sebelum acara bermula.

SAS 2024 juga dijangka menghasilkan lebih RM1.3 bilion nilai urus niaga, lonjakan ketara daripada potensi nilai dagangan tahun lalu iaitu RM823 juta.

Peningkatan itu mampu merangsang ekonomi tempatan juga mengukuhkan reputasi Selangor sebagai pemain utama bagi sektor penerbangan dan aeroangkasa.

Ketua Pegawai Eksekutif Invest Selangor Dato' Hasan Azhari Idris berkata SAS 2024 meningkatkan

reputasi negeri sebagai hab aeroangkasa penting, kerana mampu menarik pakar global dan mempamerkan teknologi termaju.

Pameran udara tahun ini berlangsung dari 12 hingga 14 September di Pusat Penerbangan Serantau (RAC) Skypark Subang.

"Acara itu bukan sahaja akan menunjukkan kemajuan Selangor tetapi juga menyatukan tokoh industri utama, memudahkan transaksi utama dan melibatkan khalayak yang pelbagai dalam komuniti aeroangkasa," katanya ketika ditemui Selangor Journal baru-baru ini.

Peneraju penerbangan

Jelas Hasan, SAS juga akan menghimpunkan peneraju utama sektor penerbangan untuk membincangkan cabaran industri serta mencari penyelesaian mampan.

Acara kali ini menampilkan 23 sesi, termasuk forum dan ceramah membincangkan topik seperti kemampuan dalam industri penerbangan, keselamatan penerbangan, penerbangan perniagaan, rantaian bekalan penerbangan am, peraturan penerbangan sukan dan masa depan industri angkasa.



”

SAS 2024 meningkatkan reputasi negeri sebagai hab aeroangkasa penting, kerana mampu menarik pakar global dan mempamerkan teknologi termaju

DATO' HASAN AZHARI IDRIS
Ketua Pegawai Eksekutif Invest Selangor



“SAS 2024 akan menampilkan forum dan perbincangan mengenai perubahan kawal selia dan amalan terbaik pematuhan, membantu peserta untuk kekal bermaklumat dan mengemudi landskap kawal selia dengan berkesan.

“Selain itu, acara berkenaan akan menangani isu terkini dalam penerokaan angkasa lepas, teknologi dron dan masa depan penerbangan sambil turut memfokuskan pada tema pemerksaan wanita dan belia dalam industri.

“Ia juga akan menyerlahkan inovasi dalam amalan dan teknologi penerbangan mampan, menggalakkan penggunaan penyelesaian mesra alam dan menyokong usaha industri untuk mengurangkan jejak ekologi,” katanya.

Selain forum, pengunjung berpeluang menyaksikan kemajuan terkini teknologi penerbangan, seperti pesawat elektrik dan hibrid, bahan api alternatif dan sistem cekap tenaga.

“Secara kolektif, elemen ini akan menonjolkan komitmen industri ke arah masa depan yang lebih hijau,” kata Hasan.

Modal insan

Seperti tahun sebelumnya, SAS turut menganjurkan pameran kerjaya membolehkan peneraju industri mencari bakat baharu, menangani isu kekurangan tenaga kerja dan melabur ke atas modal insan terlatih dalam industri penerbangan.


Turut diadakan aktiviti bertemakan pemerksaan wanita, serta permainan mesra kanak-kanak seperti pertandingan kapal terbang kertas bertujuan memastikan penyertaan maksimum orang ramai.

Pada petang 12 September, SAS 2024 akan menganjurkan majlis Anugerah Wanita dalam Penerbangan sulung dengan kerjasama Women in Aviation Asia (WiAA) dan Women@MAG (Malaysia Aviation Group).

Invest Selangor menyediakan tempat letak kereta di Stadium Shah Alam dengan perkhidmatan bas ulang-alik percuma ke kawasan pameran. MyCar, rakan kongsi e-panggilan rasmi SAS, turut menawarkan diskaun RM2 untuk pengunjung program.

Di lokasi pameran, disediakan kafe premium, pelbagai jualan makanan dan minuman, surau, tandas mudah alih dan kemudahan untuk kerusi roda serta kereta sorong bayi.

Penganjuran SAS sebahagian komitmen dan matlamat Pelan Tindakan Aeroangkasa Selangor (SAAP), sejajar Pelan Tindakan



Seperti tahun sebelumnya, SAS turut menganjurkan pameran kerjaya membolehkan peneraju industri mencari bakat baharu, menangani isu kekurangan tenaga kerja dan melabur ke atas modal insan terlatih dalam industri penerbangan. Turut diadakan aktiviti bertemakan pemerksaan wanita, serta permainan mesra kanak-kanak seperti pertandingan kapal terbang kertas bertujuan memastikan penyertaan maksimum orang ramai



Industri Aeroangkasa Malaysia (MAIB) 2015–2030.

“Matlamat kami untuk menyokong Pelan Tindakan Industri Aeroangkasa Malaysia, yang membayangkan Malaysia sebagai negara aeroangkasa nombor satu Asia Tenggara menjelang 2030.

“Acara itu juga akan menarik perniagaan yang tertumpu pada kemajuan teknologi aeroangkasa seperti kecerdasan buatan (AI), automasi dan penyelesaian pembuatan pintar.

“Kami amat teruja dengan potensi kerjasama dengan universiti dan organisasi penyelidikan, serta syarikat multinasional yang ingin menubuhkan atau mengembangkan operasi di Asia Tenggara,” kata Hasan lagi.

32,000 pekerjaan

Invest Selangor juga mengiktiraf peranan penting yang dimainkan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) tempatan dalam industri aeroangkasa dan komited menyokong pertumbuhan dan pembangunan mereka melalui SAS 2024.

“Acara ini menawarkan peluang buat mereka (PKS) mempamerkan sumbangan kepada ekonomi tempatan, termasuk penciptaan pekerjaan dan pertumbuhan

perniagaan.

“Salah satu faedah utama bagi PKS yang menyertai SAS 2024 ialah pendedahan media lebih meluas yang bakal diterima mereka, sama ada di peringkat nasional dan antarabangsa.

“Keterlihatan ini dijangka menyerlahkan kepakaran dan keupayaan mereka, daripada komponen pembuatan kepada menyediakan perkhidmatan sokongan penting.

“Selain itu, acara itu menawarkan PKS peluang untuk menjalin rangkaian dengan pemain industri yang lebih besar, bakal rakan kongsi dan pelanggan untuk memupuk hubungan perniagaan baharu dan peluang kerjasama,” katanya.

SAS 2024 akan menjadi acara penting untuk merealisasikan hasrat MAIB untuk mencapai hasil tahunan RM55.2 bilion dan mewujudkan lebih 32,000 pekerjaan berpendapatan tinggi menjelang 2030.

“Kami percaya bahawa SAS boleh menjadi saluran untuk mencapai sasaran tersebut,” katanya sambil menambah acara itu juga akan membantu PKS mendapatkan pembiayaan industri yang boleh menyumbang kepada kemajuan teknologi serta meningkatkan daya saing industri aeroangkasa.



Makna Hari Malaysia



*Pengerusi Institut
Terjemahan & Buku
Malaysia, NOOR
AMIN AHMAD
juga bekas ahli
parlimen*

Meski Malaysia dibentuk sejak 61 tahun lalu, namun tahun ini sambutannya baru kali ke-15 kerana sebelum 2010 ia tidak pernah disambut.

Suka atau tidak, Datuk Seri Anwar Ibrahim, perdana menteri Malaysia kini, berperanan dan berjasa besar dalam memastikan sambutan Hari Malaysia dibuat dan cuti umum diberikan kepada seluruh rakyat negara ini.

Ia bermula selepas beliau dibenarkan kembali aktif dalam politik negara pada 2008. Namun, pada peringkat awal, muncul suara-suara yang mempersoalkan pandangan Anwar itu.

Ada ahli akademik yang dipetik meremehkannya sebagai usaha menarik sokongan ahli-ahli politik dari Sabah dan Sarawak.

Ada pemimpin politik menganggapnya tidak perlu kerana kerajaan telah menetapkan sambutan Hari Kebangsaan pada setiap 31 Ogos.

Mungkin kerana berlaku anjakan sikap pemimpin dan rakyat di Sabah dan Sarawak, maka ia akhirnya disambut bermula 2010.

Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa sejak itu persoalan Sabah dan Sarawak semakin mendapat tempat dalam perbincangan umum.

Dari segi sejarah, idea pembentukan Malaysia dicetuskan oleh Tunku Abdul Rahman Putra, perdana menteri pertama sejak 27 Mei 1961.

Pada mulanya, idea ini melibatkan Persekutuan Tanah Melayu, Singapura, Sarawak, Borneo Utara (yang kemudian dikenali sebagai Sabah) dan Brunei.

Meski umumnya ada persetujuan, malah Perdana Menteri British Harold Macmillan juga memberikan sokongan, idea pembentukan Malaysia ini diterima secara bercampur-campur dalam kalangan rakyat, malah negara-negara lain.

Melalui persetujuan awal tersebut, mesyuarat susulan dibuat oleh Jawatankuasa Rundingan Perpaduan Malaysia di Jesselton (Kota Kinabalu), Kuching, Kuala Lumpur dan Singapura antara Ogos 1961 dan Februari 1962.

Negeri-negeri Melayu – yang bersekutu terdiri daripada Perak, Pahang, Selangor dan Negeri Sembilan serta yang tidak bersekutu terdiri daripada Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor – bersama Negeri-negeri Selat – terdiri daripada Pulau Pinang dan Melaka – telah diberi kemerdekaan pada 1957.

Singapura yang bersama membentuk Malaysia pada 16 September 1963 kemudian berpisah pada 9 Ogos 1965 untuk pemerintahan sendiri sebagai negara yang merdeka.

Ramai yang tidak tahu bahawa Lee Kuan Yew membuat pengumuman kemerdekaan Singapura secara unilateral pada 31 Ogos 1963.

Manakala Sarawak, Borneo Utara dan Brunei yang berada di bawah kuasa Residen British masing-masing mengisytiharkan pemerintahan sendiri pada tarikh-tarikh berbeza antara 1959 dan 1963.

Brunei, yang pada mulanya berminat bersama dalam pembentukan Malaysia, kemudian telah memilih merdeka sepenuhnya secara bersendirinya di bawah kuasa monarki mutlak.

British pada mulanya memberikan Borneo Utara pemerintahan sendiri pada 31 Ogos 1963 manakala Sarawak pada 22 Julai 1963.

Oleh kerana ada penentangan daripada Indonesia dan Filipina yang mahu menuntut bahagian wilayah ini, maka satu perjanjian dibuat di Manila yang bersetuju agar pungutan suara dibuat bagi mendapatkan pandangan umum penduduk di Borneo Utara dan Sarawak.

Suruhanjaya yang menjalankan proses pungutan suara ini diketuai oleh Lord Cameron Cobbold, dan kemudian dikenali sebagai Suruhanjaya Cobbold.

Kemudian, dapatan ini disahkan pula oleh sebuah jawatankuasa yang dibentuk oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, diketuai oleh Lawrence Michelmore pada 14 September 1963.

Inilah sebabnya kenapa pemasyhuran

Malaysia hanya dapat dibuat pada 16 September 1963, dan bukan pada 31 Ogos 1963 mengikut rancangan asal.

Dan melalui proses-proses inilah wujudnya persoalan 20 Perkara dan 18 Perkara Perjanjian Malaysia melibatkan Sabah dan Sarawak.

Ringkasan ini sahaja sudah cukup untuk menunjukkan beberapa kerumitan. Ada lagi perkara lain yang tidak kurang rumitnya termasuk rancangan merdeka lebih awal bersama Indonesia, elemen komunis, pungutan suara di Singapura, pemberontakan di Brunei dan penangkapan beramai-ramai pemimpin pembangkang di bawah Operation Cold Store.

Kebersamaan

Terlepas apa pun tujuan Anwar membangkitkan persoalan Hari Malaysia pada 2008, ia perlu dihayati melangkaui persoalan politik sempit.

Anwar bukanlah muncul dalam politik bermula pada 2008. Beliau membangkitkan persoalan tersebut pada tahun itu sebagai satu tanda kesedaran baharu dalam politik negara.

Hari Malaysia bukanlah tentang Sabah dan Sarawak sahaja. Hari Malaysia adalah tentang kebersamaan kita semua sebagai sebuah negara.

Hakikat bahawa kita memberi perhatian lebih kepada Sabah dan Sarawak apabila memperkatakan tentang Hari Malaysia sebenarnya adalah satu isyarat bahawa kedua-dua wilayah ini memerlukan lebih perhatian supaya dapat berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dalam mengejar kemajuan.

Bukan sahaja di Sabah dan Sarawak, masih ramai rakyat Malaysia yang memerlukan suntikan kesedaran dan kemajuan di utara, timur, tengah dan selatan.

Menjadi sebuah negara merdeka tidaklah mudah. Membentuk sebuah negara baru juga tidak senang. Mengisi makna merdeka dan memajukan negara ini untuk hidup bahagia bersama adalah tanggungjawab kita semua.

Selamat Hari Malaysia!



Arkitek Muhammad Ridha Lua menerangkan pelan pembinaan Masjid Jamek Cina Muslim Klang hasil cetusan idea DYMM Sultan Selangor pada 23 Ogos



Hampir 500 jemaah mengerjakan solat maghrib yang pertama pada 22 Ogos. Rumah ibadat berkenaan mampu menampung 1,000 jemaah



DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj mendengar penerangan berkaitan masjid oleh Pengarah Jabatan Kerja Raya negeri Dato' Ir Roslan Abdul Aziz dan Muhammad Ridha pada 7 Mei 2019



Keunikan hiasan dinding dengan corak bermotif bunga lotus dan kaligrafi Arab tertulis nama-nama Allah menghiasi dewan solat utama masjid tersebut



Lebih 500 jemaah khushyuk mendengar khutbah yang disampaikan khatib Ahmad Mujahid Muhamad Zan sebelum solat Jumaat sulung pada 23 Ogos



Pengunjung teruja melihat keunikan menara sebelum masuk waktu solat maghrib pada 22 Ogos. Dikenali Menara Cahaya Bulan, ia menempatkan pembesar suara laungan azan



Reka bentuk pintu masuk dihiasi paku besi keemasan menarik minat pengunjung. Rekaan tersebut mirip pintu masuk kota-kota purba di China



Pemandangan masjid dari udara dirakam pada 22 Ogos. Rumah ibadat itu menyediakan perpustakaan, bilik kuliah, bilik persinggahan, kedai cenderamata dan restoran

Pesona seni seribu tahun

KEUNIKAN seni bina Masjid Jamek Cina Muslim Klang di Bandar Botanik diilhami Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj.

Dibiayai Kerajaan Negeri, rumah ibadat bernilai RM19.3 juta itu, yang turut memiliki menara setinggi 18 meter, menggunakan inspirasi Masjid Besar X'ian, China yang berusia 1,282 tahun.

Projek mulai 20 Disember 2017 itu dijayakan Jabatan Agama Islam Selangor dengan kerjasama beberapa pihak termasuk Persatuan Cina Muslim Malaysia sebelum siap sepenuhnya Julai tahun ini.

Tanpa kubah, masjid seluas 2.98 ekar itu boleh menampung 1,000 jemaah dilengkapi perpustakaan, bilik kuliah dan persalinan, kedai cenderamata, restoran dan bilik khas untuk ibu dan kanak-kanak.

Sarat unsur seni Cina lama, rumah ibadat tersebut dibuka secara rasmi pada 22 Ogos. Kira-kira 500 umat Islam bersolat maghrib pada hari berkenaan diikuti solat Jumaat pada hari berikutnya.

Jurufoto HARUN TAJUDIN merakam sebahagian keunikan di masjid tersebut. Keterangan oleh HAFIZAN TAIB.



Gerbang ke rumah ibadat Cina muslim dihiasi cahaya lampu limpah yang menyerlahkan keindahan seni bina tradisi kaum itu ketika waktu senja pada 22 Ogos



Orang ramai bergerak keluar melalui gerbang Menara Cahaya Bulan selepas selesai menunaikan solat Jumaat pertama di masjid itu pada 23 Ogos



Reka bentuk yang dikenali gerbang bulan terletak berdekatan menara masjid turut dihiasai corak bermotifkan tradisi Cina lama pada 22 Ogos



Pengunjung wanita membaca teks khutbah terakhir Nabi Muhammad SAW pada dinding di hadapan pintu masjid pada 7 September. Teks ditulis dalam bahasa Melayu, Cina, Inggeris dan Arab



Sekumpulan umat Islam menunaikan solat berjemaah di dewan solat utama pada 22 Ogos. Ruang siling dan karpet diterapkan elemen corak bunga dan motif Cina



Pendakwah Cina muslim Adlu Kan Yong Sheng menyampaikan kuliah dan mengajar bahasa Arab kepada pelajar di ruang terbuka dalam masjid pada 31 Ogos



Umat Islam mengambil wuduk untuk menunaikan solat berjemaah buat pertama kali pada waktu maghrib ketika hari pembukaannya di Bandar Botanik, Klang pada 22 Ogos



Dewan solat Masjid Besar Xi'an di China

Masjid warisan Cina

Oleh **ABDUL RAHIM SABRI**

Sarat elemen tradisi Cina, Masjid Jamek Cina Muslim Klang di Bandar Botanik, dibina mengambil inspirasi Masjid Besar Xi'an di wilayah Shaanxi, China.

Dibina atas tanah Jabatan Agama Islam Selangor seluas 2.98 ekar, masjid tanpa kubah itu menerapkan ruang dan seni bina Masjid Besar Xi'an berusia 1,282 tahun - antara masjid tertua dan terbesar di China.

Masjid Besar Xi'an dibina pada 742 ketika pemerintahan Dinasti Tang. Struktur masjid itu mengalami pembaharuan dalam beberapa dinasti dan reka bentuk sekarang dibina pada 1384 semasa pemerintahan Dinasti Ming.

Islam tersebar di China melalui pedagang Arab, Parsi dan Afghanistan. Mereka berkahwin dengan masyarakat tempatan berketurunan Han di sana, lalu membentuk masyarakat muslim yang mengekalkan jati diri Cina.

Binaan Masjid Besar Xi'an seluas 12,000 kaki persegi ada empat bahagian menggabungkan seni bina klasik Cina dan kesenian Islam yang terjaga rapi sehingga kini.

Keindahan dan ciri unik Masjid Besar Xi'an itu menarik minat ketua agama Islam negeri Duli

Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj yang menitahkan pembinaan mengambil ilham rekaan masjid besar itu.

Arkitek Muhammad Ridha Lua mendedahkan, Baginda mengarahkan pihaknya ke Xi'an untuk mengkaji masjid besar itu selepas tidak berkenan dengan reka bentuk awal dipersembah pada 28 November 2018.

"Baginda nasihat pergi ke Xi'an buat kajian kes, supaya dapat menjiwai nilai seni bina masjid di China," katanya kepada Selangorkini pada 23 Ogos.

Delegasi negeri termasuk arkitek melawat Masjid Besar Xi'an dan beberapa masjid lain China antara 12 hingga 17 Mac 2019 sebelum membentangkan cadangan baharu kepada DYMM Sultan Selangor pada 7 Mei tahun sama.

"Pada sesi ini, cadangan reka bentuk diperkenankan dan projek dapat diteruskan Alhamdulillah. Baginda juga menasihatkan agar landskap masjid konsisten dengan tema seni bina tradisional Cina," katanya.

Baginda juga berkenan memberi nama Masjid Jamek Cina Muslim Klang ketika sesi itu.

Terdapat beberapa persamaan seni bina dan ruang antara masjid

Cina di Klang dengan Masjid Besar Xi'an, antaranya kedudukan pintu masuk utama ke ruang lapang berhadapan dewan solat utama.

Reka bentuk susur tangan daripada bahan granit semula jadi di masjid jamek itu juga hampir sama dengan masjid Xi'an. Malah perabot juga mengambil rekaan tradisional Cina di sana.

1,000 jemaah

Masjid itu boleh menampung 1,000 jemaah dengan ruang solat utamanya memuatkan 450 orang. Pembinaan ruang ini banyak menggunakan unsur kayu antaranya mimbar dan dinding. Tiang-tiang besar sepemeluk turut diletakkan gegantung kayu ditulis -nama-nama Allah dalam bahasa Arab.

Mihrab pula dihiasai tasbih, tahmid, tahlil dan takbir tulisan kaligrafi Cina. Beberapa potong ayat al-Quran beserta terjemahan dalam bahasa Melayu dan Arab diletak pada dinding yang mengelilingi dewan solat itu.

Turut diletakkan teks khutbah terakhir Rasulullah SAW dalam bahasa Melayu, Cina, Inggeris dan Arab, pada tembok masjid bertentangan pintu masuk utama.

Atap masjid dipasang jubin

bumbung diimport dari China. Jubin bumbung pintu gerbang dan tembok nama masjid turut menggunakan elemen tradisional reka bentuk bumbung Cina.

Memasuki masjid jamek itu, tersergam menara dikenali Menara Cahaya Bulan setinggi 18 meter. Atapnya berbentuk 'hip roof', tidak sama dengan menara Masjid Besar Xi'an berbentuk pagoda.

Ujar Muhammad Ridha, seni bina masjid jamek itu tidak sepenuhnya mengikut reka bentuk Masjid Besar Xi'an kerana perlu disesuaikan mengikut cuaca, undang-undang kecil di Malaysia serta peruntukan projek.

Menelan kos pembinaan RM19.3 juta, masjid dilengkapi kemudahan seperti bilik kuliah, bilik mandi jenazah, bilik mesyuarat, pejabat pengurusan, bilik imam, bilal dan sukarelawan, perpustakaan, kedai cenderamata serta ruang makan komuniti.

Kemudahan untuk wanita, kanak-kanak dan orang kurang upaya juga ada dengan semua ruang bagi golongan berkenaan dibina berdekatan.

Siap dibina pada 11 Julai, masjid beroperasi secara rasmi pada solat Maghrib 22 Ogos lalu manakala solat Jumaat pertama dilaksanakan pada hari berikutnya.

Selongkar sisi gelap konflik antara kaum

Babak Malaya ketika perang, kelompongan kuasa pascaperang dan keganasan gerila komunis sehingga merdeka dikupas dalam empat karya utama terbitan Inisiatif Buku Darul Ehsan (IBDE).

Diterjemahkan pengasas Hubooks Syed Omar Husain, peristiwa dirakam antara 1940 hingga 1960 dalam naskhah asal bahasa Inggeris menelusuri punca terjadinya pelbagai isu hubungan antara kaum yang menghantui negara sehingga kini.

Menerusi Siri Pencerahan Selangor, projek yang digerakkan Kerajaan Selangor sejak 2016, Syed Omar mula menterjemah Perang Anjing Suruhan: Darurat dan Kekalahan Komunis di Malaya 1948-60 diikuti Bintang Merah di Langit Malaya terbitan IBDE dengan kerjasama Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor.

Kemudian, Syed Omar menterjemah Tanpa Ampun: Tiga Tahun Diburu Jepun di Rimba Malaya. Terbaharu, Mata-Mata Gelap Malaya: Peranan Cawangan Khas pada Zaman Darurat 1945-1960 bersama Razan Rose, kali ini IBDE bekerjasama dengan Media Selangor.

Sempena Hari Malaysia, Selangorkini memapar bahagian akhir temu bual Syed Omar yang berkongsi pengalamannya menterjemah empat buku itu dan pandangannya mengenai sejarah tanah air. Bahagian pertama temu bual disiarkan pada edisi 5-11 September.

Bagaimana proses awal menterjemah setiap buku-buku ini? Misalnya, perlukah membaca sampai habis teks asal? Perlukah kajian lain sebagai sokongan?

Saya fikir kalau penterjemah langsung tidak tahu atau tidak biasa dengan subjek yang dibicarakan oleh buku yang hendak diterjemahkannya, maka memang dia perlu membaca naskhah asal sampai habis, sampai dia betul-betul memahaminya.

Dalam kes saya, mujurlah subjek utama yang disentuh oleh keempat-empat buku itu bukanlah sesuatu yang terlalu asing buat saya.

Dengan sebab itu, saya selalunya membaca buku asal secara sepintas lalu sahaja untuk memahami secara kasar tema dan isi utamanya.

Daripada pembacaan awal ini juga saya boleh menganggarkan betapa susahnya proses penterjemahan yang bakal saya lalui nanti; mungkin sebab isi kandungannya; mungkin sebab struktur bahasanya; mungkin sebab penggunaan istilahnya.

Kajian lain sebagai sokongan memang perlu, seperti merujuk silang teks-teks lain bagi memastikan nama watak, babak peristiwa, terjemahan istilah dan lain-lain.

Mujurlah saya ada banyak juga buku sejarah Malaysia di perpustakaan di rumah dan internet memang sangat membantu.

Saya juga merujuk kepada rakan-rakan tertentu untuk memastikan beberapa fakta. Sewaktu

menterjemahkan buku Tanpa Ampun saya merujuk kepada seorang kawan daripada suku kaum Orang Asli untuk memahami beberapa aspek tentang kehidupan mereka seperti yang dicatat oleh Chapman, termasuk nama haiwan dan pokok.

Apa kesukaran menterjemah karya ini, misalnya bahasa, istilah, jalan cerita atau lain-lain membabitkan keempat-empat buku IBDE itu?

Bahasa dan istilah.

Bagi empat buku IBDE itu, apa ilmu baharu diperoleh ketika menterjemah?

Saya dapati menterjemah sesebuah buku bukan sahaja menuntut penterjemah menguasai, selain bahasa asal dan bahasa sasaran terjemahannya, bidang yang dibicarakan oleh buku itu, tetapi dia juga perlu tahu serba sedikit bidang-bidang lain atau tahu di mana hendak membuat rujukan.

Ketika menterjemahkan buku Perang Anjing Suruhan dan Tanpa Ampun, perkara yang paling sukar bagi saya dari sudut proses penterjemahan bukanlah sangat inti sejarahnya tetapi hal-hal lain seperti botani, geologi, ketenteraan dan budaya.

Satu perkara lagi yang saya peroleh bukan sangat ilmu baharu tetapi lebih kepada kesedaran tentang perlunya berusaha lebih gigih untuk menggunakan bahasa Melayu, kalau boleh sepenuhnya.



Perang Anjing Suruhan: Darurat dan Kekalahan Komunis di Malaya, 1948-60 (2020)

War of Running Dogs: How Malaya Defeated the Communist Guerillas 1948-1960 (1971)

- Wartawan British Noel Barber menceritakan keberanian penduduk Malaya dan pihak British melawan gerila komunis sewaktu zaman darurat



Bintang Merah di Langit Malaya (2022)

Red Star Over Malaya: Resistance and Social Conflict During and After the Japanese Occupation 1941-1946 (1987)


- Profesor sejarah Boon Kheng Cheah menganalisa perselisihan antara orang Melayu dan Cina pada penghujung pendudukan Jepun dan tempoh 14 hari kelompongan kuasa selepas perang berakhir



Tanpa Ampun: Tiga Tahun Diburu Jepun di Rimba Malaya (2023)

Jungle is Neutral: A Soldier's Two-Year Escape from the Japanese Army (1949)

- Pegawai tentera British Frederick Spencer Chapman berkongsi pengalaman empat tahun sebagai pejuang gerila menentang Jepun di hutan Malaya ketika Perang Dunia Kedua



Mata-Mata Gelap Malaya: Peranan Cawangan Khas pada Zaman Darurat 1945-1960 (2024)

Malaya's Secret Police, 1945-60: The Role of Special Branch in the Malayan Emergency (2003)

- Bekas pegawai cawangan khas warga British Leon Comber mendedahkan perjuangan perisik Malaya membanteras komunis semasa darurat

Sewaktu menterjemahkan buku Bintang Merah, penyunting IBDE, Karim (Mohd) menegur saya kerana menggunakan terlalu banyak perkataan yang diambil langsung daripada bahasa Inggeris: industri, objektif, serius dan lain-lain.

Teguran itu benar-benar menyentak dan menyedarkan saya. Jadi selepas itu saya akan cuba mencari perkataan bahasa Melayu yang sesuai dan tidak semberono memakai perkataan bahasa Inggeris walaupun sudah diterima dalam bahasa Melayu.

Barulah saya sedar serius boleh diterjemahkan kepada berat, tenat, sungguh-sungguh, besar dan sebagainya; yakni, tidak wajar dengan semberono diterjemahkan kepada serius sahaja untuk semua konteks.

Berapa lama proses terjemahan bagi setiap buku IBDE berkenaan?

Dalam kes saya, saya diberikan masa sekitar sepuluh bulan hingga setahun untuk menyiapkan terjemahan. Namun, draf terjemahan perlu dihantar secara berperingkat-peringkat.

Untuk sebuah buku, saya perlu menghantar sebanyak enam atau tujuh kali. Jadi, secara purata saya menghantar draf terjemahan setiap empat, lima minggu sekali.

Cukupkah tempoh yang diberikan?

Kalau ikutkan memanglah tidak mencukupi. Tetapi IBDE ada sasaran tertentu yang perlu dipenuhinya. Lagipun, saya percaya kalau diberikan masa yang lebih panjang, katakan dua tahun, belum tentu saya boleh siapkan tepat pada masanya.

Apa pengajaran dalam empat karya IBDE ini yang boleh dijadikan iktibar kepada pembaca?

Yang utamanya barangkali adalah siapa dan apa kita sebagai rakyat dan bangsa Malaysia hari ini sebahagian besarnya dipengaruhi dan dibentuk oleh sejarah dan peristiwa silam.

Justeru, menelaah, menyelami dan memahami sejarah silam adalah sesuatu yang amat penting bagi proses pembinaan jati diri, pembangunan bangsa dan kelestarian negara.

Antara empat buku IBDE ini yang mana paling menarik dan memberi kesan mendalam kepada anda? Kenapa?

Secara peribadi dan bersesuaian dengan konteks sosio-politik masa kini, Bintang Merah. Buku ini memberikan beberapa latar sejarah dan faktor sosial, politik, ekonomi, budaya, malah agama yang saya fikir sebahagian besarnya mencorakkan negara dan masyarakat kita hari ini.

Antaranya ialah gerakan kemerdekaan orang Melayu, gerakan PKM (Parti Komunis Malaya), kesan pendudukan Jepun, Selendang Merah, Bintang Tiga, Malayan Union dan sebagainya.

Dan salah satu perkara yang penting ialah hubungan kaum di Malaysia, khususnya antara orang Melayu dengan orang Cina.



Teguran itu benar-benar menyentak dan menyedarkan saya. Jadi selepas itu saya akan cuba mencari perkataan bahasa Melayu yang sesuai dan tidak semberono memakai perkataan bahasa Inggeris walaupun sudah diterima dalam bahasa Melayu

SYED OMAR HUSAIN

Penterjemah

Saya amat terkesan setiap kali membaca tentang tempoh dua minggu yang serba genting dan berdarah setelah Jepun menyerah kalah dan sebelum tentera British mendarat.

Saya sampai terfikir-fikir dan terbayang-bayang beberapa situasi “bagaimana kalau”. Bagaimana kalau tentera British sampai lebih lambat lagi?

Kalau Jepun memberikan kemerdekaan lebih awal? Kalau Lai Tek tidak mengkhianati PKM? Kalau tiada pertumpahan darah di Sungai Manik? Dan sebagainya.

Antara empat judul buku IBDE tersebut, buku mana yang mesti dibaca dahulu? Boleh nyatakan susunan tersebut?

Keempat-empat buah buku itu secara umumnya merangkumi tempoh dari 1940 hingga 1960 yang mencakupi beberapa peristiwa besar dalam negara kita, iaitu Perang Dunia Kedua dan pendudukan Jepun, tempoh peralihan, Malayan Union, zaman darurat dan merdeka.

Kalau mahu ikut turutan peristiwa sejarah, saya cadangkan baca dahulu Tanpa Ampun yang menceritakan gerakan menentang Jepun seawal kemasukan mereka ke Malaya pada hujung 1941 sehingga kekalahan mereka pada 1945.

Namun buku yang bersifat catatan peribadi ini lebih menumpukan pada pengalaman dan pengembaraan penulis bertempur dan melarikan diri daripada tentera Jepun di dalam hutan belantara Malaysia.

Kemudian, Bintang Merah yang menumpukan terutamanya pada tempoh peralihan selepas Jepun menyerah kalah dari hujung 1945 hingga 1946, termasuklah usaha Kerajaan Britain memperkenalkan dasar Malayan Union.

Buku ini ada juga menyentuh keadaan di Malaya sebelum perang. Selepas itu baca Perang Anjing Suruhan yang mengisahkan peristiwa darurat yang dicituskan oleh PKM pada 1948 hingga diisytiharkan tamat pada 1960.

Buku Mata-Mata Gelap Malaya boleh dikatakan melengkapi buku Perang Anjing Suruhan kerana menceritakan peranan Cawangan Khas hingga berjaya menumpaskan pergerakan komunis lalu

menamatkan darurat.

Apa-apa pun, saya berpendapat sekurang-kurangnya bacalah buku Bintang Merah.

Mengapa setiap rumah perlu ada buku-buku ini?

Buku-buku seperti ini perlu disimpan di rumah kita dan dibaca serta dihadam. Buku-buku sejarah negara penting bagi membolehkan kita mengimbuai dan memahami peristiwa, tokoh dan keadaan yang begitu berpengaruh membentuk negara dan masyarakat kita, dan dengan itu “belajar daripada sejarah.”

Ada cadangan judul lain bertema sejarah Malaysia yang perlu diterjemah?

Terdapat banyak lagi buku yang menyentuh pendudukan Jepun, tempoh peralihan, Malayan Union, zaman darurat, merdeka dan sebagainya.

Saya sarankan sekurang-kurangnya kita telaah sejarah Malaysia dalam rentang 100 tahun terakhir; setidak-tidaknya daripada Perjanjian Pangkor 1874. Maaf saya tidak dapat menyenaraikan judul-judulnya.

Bagi mengimbangi naratif dan sudut pandang yang disajikan dalam keempat-empat buku ini dan buku-buku lain yang seumpamanya, saya cadangkan supaya dibaca juga buku-buku oleh tokoh-tokoh daripada pelbagai kelompok yang turut mewarnai sejarah negara: golongan kiri, komunis, agamawan dan sebagainya.

Setelah selesai menterjemah empat buku sejarah ini, apa pandangan mengenai sejarah negara ini?

Kita perlu akui bahawa sejarah negara kita tidaklah sentiasa berjalan dengan lancar dan tenang. Pendudukan Jepun dan darurat merupakan dua peristiwa besar yang telah menghuru-harakan negara kita dengan begitu teruk sekali.

Kedua-duanya telah meninggalkan beberapa kesan yang begitu besar dan meluas kepada masyarakat kita. Antara kesan yang cukup menyedihkan ialah kejadian bunuh-membunuh antara kaum yang berlaku sejurus selepas Jepun menyerah kalah.

Daripada buku-buku ini juga, terutamanya Bintang Merah, kita boleh menyusur galur punca terjadinya perselisihan antara kaum yang sampai sekarang sering menghantui kita dan sering dijadikan bahan bagi memporak-perandakan keharmonian Malaysia.

Saya percaya sejarah Malaysia, termasuk yang berlaku sepanjang seratus tahun terakhir, belum lagi ditulis secara tuntas dan lengkap.

Ini kerana masih banyak lagi maklumat tidak ditemui dan banyak dokumen rahsia dan rasmi kerajaan (Britain dan Malaysia; mungkin juga Singapura) masih belum dibuka kepada orang ramai.

Lantaran itu, perlu ada banyak lagi usaha menulis sejarah Malaysia daripada pelbagai sisi dan sudut pandang, khususnya yang mengangkat naratif-naratif dan watak-watak tempatan.

Ketua pengarang:
Fazallah Pit
fazallah@mediaselangor.com

Pengarang berita:
Afeeqa Afeera Abdul Rasol
afeeqa@mediaselangor.com

Penolong pengarang akhbar:
Afix Redzuan
Faridzwan Abdul Ghafar

Ketua wartawan:
Nadiyah Zamlus
sitinadiyah@mediaselangor.com

Ketua jurufoto:
Hafiz Othman

Ketua artis grafik:
Azwa Malek

Editorial: info@mediaselangor.com
Iklan: sales@mediaselangor.com
Pemasaran: marketing@mediaselangor.com

SelangorTV:
Marniza Othman
marniza@mediaselangor.com
Ameen Azizul
ameen@mediaselangor.com

Pemasaran dan Pengiklanan:
Suziana Zulkiffi
suziana@mediaselangor.com

Pengedaran:
Alang Bendahara
alang@mediaselangor.com



MediaSelangor

Media Selangor Sdn Bhd,
Aras 11 Menara Bank Rakyat,
No 1 Jalan Indah 14/8, Seksyen 14,
40000 Shah Alam, Selangor
Tel: 03-5523 4856 Fax: 03-5523 6856



BINCANG... Timbalan Mufti Rusia Rushan Hazrat Abbyasov (dua, kiri) menunjukkan kandungan buku Masjid-Masjid di Rusia kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim di Vladivostok, Rusia. Perdana menteri tiba di negara itu sempena Forum Ekonomi Timur ke-9 pada 4 September. Foto Facebook Anwar Ibrahim

Bendung tekanan negara industri kaya

Elak bergantung kepada dolar

SHAH ALAM - BRICS antara mekanisme penting untuk mengurangkan kebergantungan negara-negara terhadap mata wang dolar, kata Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Beliau dalam wawancara bersama agensi berita Rusia menegaskan blok ekonomi itu berupaya mengurangkan kesan terhadap kebergantungan berkenaan yang masih berlangsung, lapor Bernama.

"Isu penggunaan mata wang tempatan yang kami lakukan sebelum ini dengan China, Indonesia dan sehingga ke tahap tertentu dengan Thailand, kini

dibincangkan dengan India.

"Kami masih bergantung kepada dolar tetapi sekurang-kurangnya untuk mengurangkan impaknya, kami perlu melakukannya. BRICS tentunya satu lagi mekanisme mencapai tujuan itu," katanya.

BRICS yang ditubuh pada 2009 dianggotai Brazil, Rusia, India dan China sebelum disertai Afrika Selatan setahun kemudian. Iran, Mesir, Ethiopia, dan Emiriah Arab Bersatu menjadi ahli baharu pada Januari tahun ini.

Anwar yang juga menteri kewangan percaya BRICS penting untuk me-

ngukuhkan kerjasama dalam kalangan negara di Global South dan membendung tekanan negara perindustrian yang kaya.

"Bukan untuk mencetuskan permusuhan, tetapi sekurang-kurangnya membendung tekanan dari negara-negara perindustrian yang lebih kaya selain membina kekuatan bersama.

"Kami juga perlu mengatur untuk menjadi lebih kuat, agar dapat menahan tekanan yang di luar kawalan kami. Itu bagi saya, kebijaksanaan," kata perdana menteri lagi pada 6 September.

China minat buka kilang halal

SHAH ALAM - Malaysia bakal meraih manfaat potensi pelaburan baharu China dalam industri halal bernilai sekitar RM4 bilion, kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi.

Beliau memberitahu potensi pelaburan berkenaan merangkumi pelbagai sektor termasuk perubatan herba, makanan dan minuman, vaksin, kosmetik dan farmaseutikal, lapor Bernama.

Katanya, ia hasil pertemuan delegasi negara dan pemain industri halal dari China sempena Forum Perniagaan Halal Malaysia-China anjuran Halal Deve-

lopment Corporation di Shanghai.

"Terdapat 40 syarikat (dari China) yang serius untuk melabur di Malaysia iaitu menurut perkiraan kita, ia bernilai RM4 bilion," katanya kepada media Malaysia pada 10 September.

Beliau yang mengadakan lawatan lima hari ke China hingga 12 September berkata pelabur juga berminat dalam bidang perubatan herba dan mahu menjalin kerjasama dengan universiti tempatan.

Ahmad Zahid menjelaskan terdapat beberapa syarikat halal dari republik tersebut menunjukkan minat untuk

membuka kilang produk mereka di Malaysia antaranya di Pahang dan Perak.

Justeru, beliau berharap kerajaan negeri mempermudah urusan berkaitan penyediaan prasarana termasuk bekalan air dan elektrik di samping insentif termasuk pengecualian cukai.

"Apa yang kita perlu adalah pelabur, dan China pula mahu memasarkan barangan halal mereka dari Malaysia.

"Untuk itu, mereka bercadang mendirikan kilang di Malaysia dan mendapatkan sijil halal Jakim yang membolehkan mereka eksport ke luar negara," katanya lagi.

Kenal pasti 1,000 cerun mudah runtuh

SHAH ALAM - Lebih 1,000 lokasi cerun mudah runtuh dikenal pasti di seluruh negara dan pelbagai langkah diambil termasuk memasang peralatan memantau pergerakan tanah.

Menteri Kerja Raya Datuk Seri Alexander Nanta Linggi memberitahu kementerian juga merangka dasar cerun negara baharu menggantikan polisi sebelum ini yang berakhir tahun lepas.

Katanya, dasar itu akan dikuat kuasa mulai tahun ini hingga 2035 dengan mengambil kira perkembangan semasa dan langkah untuk mengurangkan kejadian tanah runtuh, lapor Bernama.

"Kita mesti ada satu dasar kebangsaan tentang cerun. Kita tidak ambil ringan sebab kesannya merugikan. Akibatnya harta benda boleh terjejas dan nyawa pun boleh hilang," katanya.

Tol rendah jika kelulusan cepat

SHAH ALAM - Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim yakin kadar tol mungkin boleh diturunkan pada masa depan jika kos pembangunan lebuhraya dikawal selain tidak ketirisan dan rasuah.

Beliau percaya kos pembangunan lebuhraya sebenarnya boleh dikurangkan tetapi meningkat akibat terlalu banyak bayaran untuk proses kelulusan, lapor Bernama.

"Ini mesti dihentikan. Saya percaya Kementerian Kerja Raya, Lembaga Lebuhraya Malaysia untuk projek yang seterusnya, pastikan kelulusan disegerakan.

"Ini boleh berlaku kalau semua bertanggungjawab dan merasakan ini (projek lebuhraya) projek rakyat," katanya yang juga menteri kewangan pada 8 September.

Beliau merasmikan kawasan Rehat dan Rawat (R&R) lestari yang pertama di lebuhraya Malaysia di R&R Seremban (arah selatan) Lebuhraya Utara-Selatan di Seremban.

Operasi pusat servis kedua Tesla

SHAH ALAM - Tesla Malaysia (Tesla) membuka pusat servis kedua di Taman Perindustrian Seberang Jaya di Pulau Pinang bagi menampung bilangan pelanggan yang meningkat di utara negara ini.

Pengarah wilayahnya Isabel Fan berkata premis berkenaan menawarkan sokongan perkhidmatan 24 jam dan dilengkapi bengkel badan kereta serta cat yang canggih, lapor Bernama.

Beliau juga memberitahu pemilik Tesla jarang memerlukan kenderaan mereka untuk diperiksa di pusat servis kerana kebanyakan penyelesaian boleh diselesaikan dalam talian.

"Pusat servis di Pulau Pinang pelaburan kami supaya pelanggan tidak perlu berasa bimbang sekiranya mereka perlu memeriksa atau membaiki kereta mereka," katanya pada 10 September.

Bantuan untuk 30,000 veteran ATM

SHAH ALAM - Seramai 29,331 veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) menerima bantuan RM300 sebulan melalui skim bantuan sara hidup, kata Timbalan Menteri Pertahanan Adly Zahari.

Menjelaskan Kementerian juga membuat Inisiatif lawatan Peduli Veteran Madani, beliau berkata mereka memperoleh manfaat itu hasil peruntukan RM56 juta setakat 30 Jun, lapor Bernama.

"Kerajaan meningkatkan peruntukan bayaran sara hidup sebanyak tiga kali ganda iaitu daripada RM54 juta kepada RM174 juta," katanya ketika menziarahi veteran tentera pada 10 September.

Seramai 594 veteran ATM termasuk 174 tidak berpencen tinggal di Semporina manakala 741 veteran termasuk 258 tidak berpencen di Tawau.

Adly memberitahu kunjungan tersebut membuktikan kebajikan mereka sentiasa mendapat perhatian kerajaan selain bertujuan memastikan golongan berkenaan menerima bantuan yang disalurkan.

Kerjasama serantau tiga negara

KOTA TINGGI - Kerjasama serantau antara Malaysia, Indonesia dan Thailand sejak 30 tahun lalu membantu pembangunan Selangor termasuk mengemban Rancangan Rancangan Selangor Pertama (RS-1).

Menurut Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari, peluang duduk bersama memudahkan pelbagai isu dibincang meliputi isu kelestarian mampan, ekonomi dan penguatkuangan kewangan.

Ekonomi berkembang

Kadar menganggur terus turun

SHAH ALAM - Bilangan penganggur berkurangan 0.3 peratus kepada 563,700 orang berbanding 565,300 yang dicatat pada bulan sebelumnya, menurut Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

"Hubungan dengan negara jiran dan wilayah serantau akan membantu rancangan pembangunan. Ini satu peluang yang baik dan harus dimanfaatkan termasuk perkembangan RS-1," katanya.

Beliau hadir forum ketua menteri dan gabenor ke-21 sempena persidangan mesyuarat segi tiga Indonesia, Malaysia dan Thailand ke-30 di Pusat Konvensyen Desaru Coast, Johor pada 11 September.

Amirudin menjelaskan forum tersebut mencambah idea bagi memantapkan lagi pembinaan pelabuhan ketiga di Pulau Carey, Kuala Langat supaya Selangor terus menjadi lokasi tumpuan ekonomi.

"(Sekarang) kita ada Pelabuhan Klang, tersibuk di Asia. Melalui persidangan ini, kita akan manfaatkannya untuk pelabuhan ketiga seperti kawasan zon ekonomi," katanya.

Ketua Perangkawan Datuk Seri Mohd Uzir Mahidin memberitahu kadar pengangguran pada Julai kekal pada 3.3 peratus seperti bulan sebelumnya, lapor Berita Harian.

Beliau menjelaskan bilangan penduduk bekerja meningkat 0.2 peratus pada Julai kepada 16.63 juta berbanding 16.61 juta orang pada bulan terdahulu.

"Susulan kedudukan ekonomi negara yang semakin berkembang pesat, merekodkan peningkatan berterusan dalam bilangan penduduk bekerja, manakala bilangan penganggur semakin berkurangan.

"Oleh itu, bilangan tenaga buruh pada Julai 2024 terus bertambah dengan merekod peningkatan 0.1 peratus kepada 17.2 juta berbanding 17.17 juta orang pada Jun 2024," katanya.

Mohd Uzir berkata sebahagian be-

sar penduduk bekerja dalam kategori pekerja iaitu merangkumi 75 peratus pada Julai, naik kepada 12.48 juta berbanding 12.46 juta orang pada Jun lalu.

"Pada masa sama, kategori penduduk bekerja sendiri kekal dalam trend meningkat, bertambah 0.3 peratus kepada 3.07 juta berbanding 3.06 juta orang pada Jun 2024," katanya.

Beliau menambah landskap ekonomi Malaysia terus berkembang, disokong peningkatan perbelanjaan isi rumah, pasaran buruh dan peningkatan eksport barangan serta ketibaan pelancong yang tinggi.

Katanya, perkembangan menggalakkan dalam kegiatan ekonomi dan membawa kepada peluang pekerjaan serta pendapatan dalam ekonomi sekali gus menggalakkan banyak penyertaan buruh dalam pasaran.

Ramai hidap diabetes

SHAH ALAM - Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengingatkan rakyat supaya mengambil berat penjagaan kesihatan terutama berkaitan keburukan pengambilan gula secara berlebihan.

Beliau berkata bilangan penghidap kencing manis di Malaysia tertinggi di Asia Tenggara sekali gus menggambarkan kecelikan kesihatan dalam kalangan rakyat masih pada tahap rendah.

Katanya, kempen mengurangkan pengambilan gula hanya berkesan jika masyarakat mengubah gaya pemakanan bermula dari sekarang supaya rakyat tidak memudaratkan diri, lapor Bernama.

"Berat badan berlebihan itu tinggi, kencing manis tinggi, jadi tolonglah selamatkan negara, selamatkan anak, selamatkan keluarga, ibu bapa kita dengan kawal sedikit (pengam-

bilan gula).

"Cakap soal AI (kecerdasan buatan), industri pertumbuhan yang hebat, mutu pendidikan hospital yang baik tapi kecelikan kesihatan rakyat paling rendah," katanya.

Beliau berucap demikian ketika merasmikan sambutan Bulan Malaysia Sihat Sejahtera peringkat kebangsaan di Port Dickson pada 8 September.

Anwar juga menasihati peniaga supaya memainkan peranan dalam menggalakkan rakyat mengurangkan pengambilan gula dengan mengambil kira kesihatan pelanggan apabila menyediakan hidangan.

Beliau turut mengingatkan pengusaha kantin sekolah supaya menjual makanan yang sihat bagi memastikan mutu kesihatan pelajar terjamin manakala penggunaan gula dalam menu dikurangkan.



Gateway to a better tomorrow

LANDASAN LUMAYAN SDN BHD (989368-H)

"EXPRESSION OF INTEREST" BAGI PRA-KELAYAKAN SYARIKAT

Landasan Lumayan Sdn Bhd (LLSB) mempelawa syarikat (tempatan dan/atau antarabangsa) yang berkelayakan untuk menyertai "Expression of Interest" bagi pra-kelayakan syarikat:

Pembangunan Loji Air Pulih Guna (WRP)

- Pemohon yang berminat mesti memenuhi prasyarat berikut:
 - Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), 100% milikan penuh syarikat berdaftar milik Malaysia atau syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia atau Usahasama/Konsortium/Perjanjian Kerjasama yang diperbadankan secara tempatan dengan sekurang-kurangnya 51% daripada ekuiti yang dipegang oleh firma Malaysia.
 - Usahasama/Konsortium/Perjanjian Kerjasama mesti melantik Rakan Kongsi Utama yang diberi kuasa oleh semua rakan kongsi untuk menguruskan segala urusan perniagaan semasa Notis Pelawaan Cadangan (RFP) dan pelaksanaan kontrak, dengan pemberian surat kuasa.
 - Rakan Kongsi Utama hendaklah berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) di bawah Gred G7, memiliki Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) and Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PKK), serta berdaftar dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) di bawah Permit C1, dengan modal berbayar minimum RM750,000.00.
 - Minimum lima (5) tahun pengalaman dalam reka bentuk, membina, mengendalikan dan menyelenggara Loji Air Pulih Guna. Pengalaman daripada Usahasama/Konsortium/Perjanjian Kerjasama akan dipertimbangkan.
- Pemohon yang memenuhi kriteria pra-kelayakan di atas boleh mengambil "Expression of Interest" dokumen dari pejabat:

Landasan Lumayan Sdn Bhd (LLSB)
Tingkat 18, Wisma Ehsan,
BSN Cawangan Utama Negeri Selangor,
Persiaran Dato' Menteri, Seksyen 14,
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan

Dari 12^{hb} September, 2024 sehingga 18^{hb} September, 2024
(9.00 am - 4.30 pm)

- Pemohon yang layak hendaklah mengemukakan surat hasrat yang ditandatangani oleh penandatangan yang diberi kuasa bersama dengan dokumen-dokumen sokongan yang lengkap dalam sampul surat berakiri sebelum 12:00 tengahari pada 18^{hb} September, 2024. Dokumen yang lewat diterima tidak akan dipertimbangkan.
- Pihak LLSB tidak akan menerima dokumen yang tidak memenuhi pra-syarat yang telah ditetapkan.
- Pihak LLSB tidak terikat untuk memilih atau menyenarai pendek sebarang permohonan pra-kelayakan yang dikemukakan oleh pemohon.



PELIHARA... EXCO Pertanian Ir Izham Hashim (tiga, kanan) melawat Pavilion Selangor sempena Pameran Pertanian, Hortikultur Pelancongan Malaysia (MAHA) 2024 di Maeps Serdang, Subang Jaya pada 11 September. Foto Facebook Izham Hashim ▶ BERITA MUKA 4

Hargai pelanggan setia

Aplikasi PKNS sedia mata ganjaran

Oleh **NORRASYIDAH ARSHAD**

SHAH ALAM - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) melancarkan aplikasi yang menawarkan mata ganjaran kepada pelanggan yang melakukan transaksi pembelian produk dan perkhidmatannya.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Dato' Mahmud Abbas memberitahu aplikasi PKNS Loyalty+ itu sebagai menghargai pelanggan setia selain menjadi platform menarik pelang-

gan baharu.

"Pelanggan boleh kumpul mata ganjaran setiap kali membuat pembelian rumah, lot kedai atau di Selcare, Bazar Lokal di pusat beli-belah SACC selain ketika menyertai majlis awam PKNS

"Pelbagai ganjaran menarik menanti dan ini cara kami berterima kasih atas kesetiaan pelanggan sepanjang perjalanan ini," kata Dato' Mahmud Abbas dalam kenyataan.

Aplikasi yang boleh dimuat turun menerusi Apple Store, Google Play

Store dan Huawei Gallery dilancar sempena Festival SA Sentral di Galeria Sentral Seksyen 14 di sini pada 7 September.

Mahmud juga menjelaskan seramai 1,300 pengunjung terawal yang memuat turun aplikasi tersebut pada festival berkenaan berpeluang menerima e-baucar RM10.

"Pembeli rumah PKNS sejak 2020 sehingga kini didaftarkan secara automatik. Untuk mendapatkan keahlian, anda perlu mengajak dua orang lain untuk sama-sama menjadi ahli," katanya.

Kutipan cukai MPAJ meningkat

SHAH ALAM - Sebanyak RM56.6 juta cukai taksiran dikutip Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) sejak Januari hingga 31 Julai, kata Yang Dipertuanya Dr Ani Ahmad.

Beliau memberitahu jumlah kutipan berkenaan meningkat 0.82 peratus berbanding tempoh sama pada tahun lalu, dengan anggaran RM87.5 juta perlu dikutip tahun ini.

"MPAJ turut mengutip tunggakan cukai taksiran RM13.8 juta bagi tempoh sama tahun ini. Kutipan meningkat 17.6 peratus berbanding tahun lalu," katanya

dalam mesyuarat penuh baru-baru ini.

Beliau juga menjelaskan sasaran kutipan tunggakan cukai RM20.1 juta dengan 181,147 jumlah bil yang dikeluarkan bagi penggal kedua.

Selain itu, Dr Ani Ahmad berkata RM5.8 juta bayaran parkir kereta diperolehi antara 1 Januari hingga 26 Ogos iaitu RM2.8 juta dikutip dalam talian dan RM2.6 juta dari sewaan petak khas.

"Sebanyak RM226,000 lagi dikutip daripada pas bulanan penduduk dan RM191,000 menerusi kutipan pas bulanan," katanya.

Pada masa sama, beliau memaklumkan MPAJ melaksanakan sistem tempat letak kenderaan (TLK) berbayar di Panorama, Bukit Antarabangsa mulai 1 September.

Tambahnya, kawasan seluas 2.79 ekar itu menempatkan 70 petak parkir terbuka dengan caj RM2.00 bagi dua jam pertama dan RM1.00 bagi setiap jam seterusnya.

"Kemudahan ini akan dibuka secara percuma pada setiap hari Jumaat dari pukul 12 tengah hari sehingga 3 petang," jelasnya.

Insentif kumpul sisa kitar semula

SHAH ALAM - Peserta program Cintai Sungai Klang Fasa 2 anjuran Majlis Bandaraya Diraja Klang (MBDK) berpeluang menerima insentif mengikut hasil kutipan sampah yang boleh dikitar semula.

Datuk Bandar Klang Datin Paduka Noraini Roslan menjelaskan inisiatif berkenaan bertujuan menarik penyertaan masyarakat untuk bergotong-royong membersihkan sungai berkenaan.

"Program ini bukan sahaja gotong-royong sekitar persisiran sungai, malah sampah terkumpul akan diasingkan dahulu mengikut jenis supaya ia boleh dikitar semula yang akan diuruskan oleh MBDK.

"Hasil kutipan kitar semula terus dibayar mengikut kadar yang ditetapkan kepada pihak terlibat," katanya ketika merasmikan program itu di Pangkalan Nelayan Kampung Delek pada 8 September.

Longkang berlubang punca hakisan

SHAH ALAM - Kejadian longkang berlubang dikenal pasti sebagai punca hakisan yang menyebabkan mendapan di sebuah rumah di Pangsapuri PKNS Taman Keramat Permai di sini.

Menurut Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ), ia hasil lawatan Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Bangunan dan Seni Bina serta Bahagian Pesuruhjaya Bangunan MPAJ ke lokasi itu pada 4 September.

Pihak berkuasa tempatan itu juga mengenal pasti beberapa kerosakan lain dan kerja pembaikan di kawasan terlibat dilakukan untuk keselamatan penduduk, lapor Bernama.

"Kerja yang akan dilaksanakan melibatkan pembaikan longkang dan mendapan tanah serta pembaikan struktur lantai. Kerja tersebut dijangka siap sepenuhnya dalam dua minggu," kata MPAJ pada 5 September.

Khidmat BooksFly2U masih diteruskan

SHAH ALAM - Khidmat pinjaman buku BooksFly2U yang dilancar Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS) sejak empat tahun lalu masih diteruskan sehingga kini.

Ketua Bahagian Korporatnya Zafrullah Aris memberitahu perkhidmatan berkenaan tetap mendapat permintaan terutama untuk penghantaran sekitar Lembah Klang.

"Permintaan sentiasa ada cuma lebih ramai yang datang ke perpustakaan. Dahulu kita lancarkan sebab mahu memudahkan orang ramai memandangkan ketika itu penularan Covid-19.

"Sekarang khidmat ini kita gunakan untuk menghantar buku ke mana-mana perpustakaan selain pinjaman sekitar Lembah Klang," katanya pada 9 September.

Percepat proses mohon bantuan

SHAH ALAM - Proses permohonan dan pengagihan bantuan bencana oleh Yayasan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI mudah dan cepat, kata Ketuaanya Ahmad Azri Zainal Nor.

Katanya, mereka yang terkesan hanya perlu menyediakan dokumen seperti salinan kad pengenalan dan laporan polis bersama gambar atau video melalui wakil rakyat dan ketua kampung.

"Kalau Yayasan MBI melawat mangsa, misalnya di pusat pemindahan sementara (PPS), kita hulur dahulu bantuan tunai paling kurang RM100 dan dapatkan maklumat lanjut untuk baki agihan.

"Tempoh agihan bergantung berapa cepat dokumen diterima. Kalau wakil rakyat dan ketua kampung buat kerja laju, dalam dua minggu boleh selesai," katanya baru-baru ini.

Beliau menjelaskan separuh daripada peruntukan RM1 juta untuk membantu mangsa bencana digunakan setakat ini.

Memanfaat 50,000 mangsa, dana itu disalurkan melalui bantuan wang tunai dan baki makanan yang tertumpu di lokasi utama seperti Hulu Selangor, Sepang dan Tanjung Karang.

Sedia kaedah kadar nafkah anak

SHAH ALAM - Kerajaan membangunkan formula baharu bagi memudahkan mahkamah syariah menentukan pemberian kadar nafkah kepada anak-anak pasangan yang bercerai.

Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) berkata isu pemberian nafkah disifatkan tenat di negara ini sehingga penubuhan Bahagian Sokongan Keluarga (BSK) bawah Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.

Menurut Senator Dato' Setia Dr Mohd

Na'im Mokhtar, perkhidmatan BSK disediakan percuma kepada ibu yang mahu menuntut nafkah selain membantu mempermudah urusan mahkamah.

"Sebelum penubuhan BSK, memang isu nafkah ini tenat. Pada masa itu, kita ada lebih 12,000 kes perintah nafkah yang dikeluarkan antara 1998 hingga 2008, namun ia tidak dilaksanakan bapa.

"Jadi kita tubuhkan BSK supaya ibu tidak lagi perlu bersusah payah untuk membayar yuran guaman yang agak

mahal bagi memperoleh nafkah anak," katanya.

Beliau merasmikan Persidangan Perundangan Keluarga Antarabangsa 2024 dengan tema 'Memperkasa Nafkah Anak' di sini pada 5 September. Hadir sama EXCO Agama Islam Dr Mohammad Fahmi Ngah.

Dr Mohd Na'im menambah formula baharu pemberian kadar nafkah berkenaan bakal mengambil kira umur anak, pendapatan bapa dan keperluan semasa kanak-kanak terbabit.

Letak kotak khas

Kumpul e-sisa di 17 pasar raya

Oleh ANNA FARINA ABDUL RAUF

SUBANG JAYA - Kerajaan Negeri menjalin kerjasama strategik bersama GCH Retail Sdn Bhd bagi meningkatkan kesedaran dan membudayakan pengurusan sisa elektronik (e-sisa) yang lestari.

EXCO Alam Sekitar Jamaliah Jamaluddin berkata sebanyak 17 pasar raya di negeri ini akan mempamer kotak promosi pengumpul

lan e-sisa bagi memudahkan masyarakat mengurus buangan itu.

"Warga Selangor boleh mengatur jadual kutipan e-sisa dari rumah dengan mengimbas kod QR yang dipamer pada replika yang diletak di lokasi utama di 16 Pasaraya Giant dan satu Pasaraya TMC.

"Saya ingin merakam penghargaan kepada GCH Retail yang menyediakan ruang meletakkan kotak promosi pengumpulan e-waste di 17 pasar raya," katanya pada 7 September.

Melancarkan program Sisa Elektrik dan Elektronik (E-Waste) di Pasaraya Giants Bandar Kinrara, Jamaliah mahu melestarikan alam sekitar dan berharap semua pihak menyokong inisiatif itu.

"Saya berharap kita semua dapat

berusaha ke arah membudayakan sisa elektronik ini dengan betul," katanya sambil menambah ada hampir 25 juta sisa elektronik akan dihasilkan.

Sebelum ini, Selangor menyasar 15 peratus pengumpulan e-sisa menjelang 2026 menerusi program E-Waste pada 11 Julai.

Sistem pengumpulan e-sisa yang diperkenal memberi perkhidmatan secara pintu ke pintu kepada pengguna yang ingin menghantarnya ke tempat pengumpulan yang sah.

Dilaksana sehingga hujung tahun ini, pengguna juga diberi ganjaran tunai sebagai insentif untuk mengitar semula peranti lama. Maklumat lanjut di www.lestarieselangor.com/ewaste

Terus beri khidmat terbaik

SUBANG JAYA - Pemilik harta berharap Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) terus memberikan khidmat terbaik seiring kadar baharu cukai taksiran yang dilaksanakan, kata timbalan datuk bandarnya.

Mohd Zulkurnain Che Ali berkata sebanyak 10,800 bantahan diterima selepas 326,646 notis senarai nilai baharu dihantar bermula 21 Jun.

Beliau menjelaskan hanya 47 peratus pemilik harta menghadiri sesi pendengaran bantahan bermula 19 Ogos hingga 4 September.

"Mereka menerima kadar baharu itu cuma mahu pentadbiran MBSJ terus menambah baik perkhidmatan terutama aspek infrastruktur membabitkan

warga emas," katanya pada 11 September.

Menurut Mohd Zulkurnain, MBSJ bakal melaksanakan beberapa inisiatif dalam memperkasa khidmat di kawasan pentadbirannya bermula tahun hadapan.

Antara inisiatif berkenaan termasuklah agihan tong sampah percuma di perumahan teres dan strata dengan peruntukan RM14 juta.

"Kita akan serahkan tong sampah ini bermula tahun hadapan secara berfasa. Ini sebahagian usaha MBSJ dalam memastikan penduduk terus menjaga alam sekitar dan menguruskan sampah dengan baik," katanya.

Serah RM500 buat anak yatim

SHAH ALAM - Seramai 40 anak yatim di negeri ini menerima sumbangan siswa bernilai RM500 daripada Yayasan Islam Darul Ehsan (Yide).

Pengurus Besarnya Nur Mohd Razali Abdullah berkata inisiatif berkenaan bagi meringankan beban mereka yang juga alumni Yide untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat tertinggi.

"Program Sumbangan Siswa ini diharap dapat meringankan kos pendidikan, termasuk yuran pengaji-

an, pembelian buku, dan keperluan harian.

"Kami berharap dapat beri suntikan semangat dan peluang pendidikan setara kepada anak yatim sekali gus mencapai kecemerlangan akademik dan membina masa depan lebih cerah," katanya pada 7 September.

Beliau juga mengajak semua pihak untuk menyumbang bagi program pendidikan termasuk pembinaan Kompleks Asrama Anak Yatim Pulau Indah, Klang.



PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD
(201401006213)

KENYATAAN TENDER

Bil.	NO. TENDER	KETERANGAN
1.	PN0000019710	PROPOSED DISTRIBUTION IMPROVEMENT WORKS FOR LANGAT 2 SYSTEM - UTILISATION OF LANGAT 2 AU3 27ML RESERVOIR, GOMBAK
2.	PN0000019627	PROPOSED RE-DISTRIBUTION OF SUPPLY AND DISTRIBUTION IMPROVEMENT WORKS TO SG. MERAB AREA, SEPANG
3.	PN0000019712	PROPOSED DISTRIBUTION IMPROVEMENT WORKS FOR KG. SG. CHINCHIN, GOMBAK
4.	PN0000019686	ANNUAL MAINTENANCE SUPPORT (AMS) FOR HUMAN CAPITAL MANAGEMENT (HCM) YEAR 2024 - 2025

KENYATAAN PRA-KELAYAKAN

Bil.	NO. PRA KELAYAKAN	KETERANGAN
1.	PN0000019748	PRA-KELAYAKAN SEBAGAI KONTRAKTOR PANEL BAGI KERJA-KERJA MENGECAT ASET-ASET DI BAWAH JABATAN PENGAGIHAN
2.	TBA	PRE-QUALIFICATION FOR PROPOSED DEVELOPMENT OF RASAU WATER SUPPLY SCHEME (STAGE 2), SELANGOR DARUL EHSAN Package 4 - Design and Build of Proposed Rasau WTP Stage 2 Comprising Intake Plant, Raw Water Pipelines, Water Treatment Plant, Elevated Water Tanks, Treated Water Pumping Station, Treated Water Pumping Mains to existing Pipe Bridge at ELITE Highway and Associated Works
3.	TBA	PRE-QUALIFICATION FOR PROPOSED DEVELOPMENT OF RASAU WATER SUPPLY SCHEME (STAGE 2), SELANGOR DARUL EHSAN Package 5: Design and Build of Proposed New Ground Reservoir, Elevated Water Tank, Connecting Pipelines, Retrofitting Pipeworks, Access Roads at Bukit Dengkil; Treated Water Pumping Mains near Rasau Intake to Bukit Dengkil Reservoir; and Associated Works
4.	TBA	PRE-QUALIFICATION FOR PROPOSED DEVELOPMENT OF RASAU WATER SUPPLY SCHEME (STAGE 2), SELANGOR DARUL EHSAN Package 6: Design and Build of Proposed New Ground Reservoir, Connecting Pipelines, Retrofitting Pipeworks, Access Roads at Bukit Tampoi; Treated Water Pumping Mains from existing Pipe Bridge at ELITE Highway to Bukit Tampoi Reservoir; and Associated Works

Untuk butiran lanjut dan penyertaan tender/prakelayakan di atas, sila layari laman web kami di <https://www.airselangor.com/vendor/tender-lists> or <https://tender.airselangor.com>.



CERIA... Ketibaan pemenang pingat Sukan Paralimpik 2024 (dari kiri) Datuk Abdul Latif Romly, Eddy Bernard, Bonnie Bunyau Gustin, Muhammad Ziyad Zolkefli dan Cheah Liek Hou di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Sepang pada 10 September. Malaysia meraih dua emas, dua perak dan satu gangsa di Paris, Perancis. Foto BERNAMA

Terus sokong usaha MSN Selangor

Raja Muda rai pemenang emas

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

KLANG - Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor berkenan ke majlis santapan tengah hari bersama pegawai dan pemenang pingat emas Sukan Malaysia (SUKMA) Sarawak ke-21 di Istana Alam Shah di sini.

Keberangkatan tiba Tengku Amir Shah disambut Setiausaha Kerajaan Negeri Dato' Haris Kassim, EXCO Sukan Najwan Halimi, Pengarah Eksekutif Majlis Sukan Negeri (MSN) Selangor Mohamad Nizam Marjuki dan 101 atlet.

Dalam sembah ucapan Najwan yang juga ketua kontinjen memaklumkan Kerajaan Negeri amat prihatin dan mengiktiraf segala usaha serta sumbangan atlet Selangor dalam temasya dwitahunan itu.

"Setiap titik peluh dan pengorbanan mereka amat dihargai dan kejayaan ini adalah hasil daripada usaha kolektif semua pihak yang telah memberi komitmen sepenuhnya.

"Kerajaan Negeri sememangnya sentiasa memberi sokongan dan komitmen dalam setiap perancangan yang diatur MSN dalam memastikan

kecemerlangan sukan yang berterusan di Selangor," katanya pada 9 September.

Selangor di kedudukan ketiga keseluruhan mengumpul 56 emas, 64 perak dan 61 gangsa dalam SUKMA ke-21 yang berlangsung pada 17 hingga 24 Ogos.

Tuan rumah Sarawak juara dengan 76 emas, 55 perak dan 70 gangsa manakala naib johan milik Wilayah Persekutuan.

Selangor menyertai semua 37 sukan yang dianjurkan di sembilan daerah di Sarawak.

Tingkat program bangunkan atlet

KLANG - Selangor akan meningkatkan program pembangunan dan latihan termasuk menggilap lebih ramai atlet emas sebagai persediaan mengharungi Sukan Malaysia (SUKMA) 2026.

EXCO Sukan Najwan Halimi berkata hampir 60 peratus atlet yang beraksi di Sarawak berpotensi untuk bertanding selain menampilkan bakat baharu.

"Kita akan menggilap pemenang pingat perak dan gangsa pada te-

masya di Sarawak baru-baru ini supaya meraih emas pada kejohanan akan datang. Kita juga akan mencungkil bakat baharu untuk mewakili negeri.

"Usaha perlu bermula dari sekarang. Kita berdepan dengan dua cabaran iaitu menjadi tuan rumah dan persiapan atlet yang akan beri saingan pada kejohanan akan datang," katanya.

Beliau menghadiri majlis santapan tengah hari Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku

Amir Shah bersama pemenang pingat emas SUKMA di Istana Alam Shah pada 9 September.

Beliau berkata sebanyak 27 acara sukan teras akan dipertandingkan antaranya olahraga, badminton, bola sepak, hoki, akuatik dan memanah.

"Sukan tambahan seperti catur, kabaddi, silambam dan sukan elektronik (e-sports) yang dipertandingkan di Sarawak juga akan dipertimbangkan," katanya.

Insentif SUKMA diserahkan November

SHAH ALAM - Insentif atlet yang berjaya meraih pingat dalam Sukan Malaysia (SUKMA) akan diserahkan selewatnya November pada Anugerah Sukan Selangor.

EXCO Sukan Najwan Halimi berkata persiapan rapi perlu dilakukan bagi memastikan semua pihak menghadiri majlis berkenaan.

"Insentif bukan hanya diberikan kepada atlet meraih pingat emas, tetapi juga perak dan gangsa. Bagaimanapun jumlah untuk pingat perak dan gangsa belum dipastikan lagi cuma emas insentif diberikan sehingga RM10,000," katanya pada 9 September.

Pada 3 Ogos, Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari mengumumkan tawaran insentif RM10,000 kepada atlet yang meraih emas dalam temasya dwitahunan itu.

Zii Jia lonjak tiga terbaik dunia

SHAH ALAM - Perseorangan lelaki profesional negara Lee Zii Jia berada di kedudukan ketiga dunia berdasarkan kemaskini terbaharu Persekutuan Badminton Dunia (BWF) pada 10 September.

Pemenang pingat gangsa Sukan Olimpik Paris itu melonjak satu anak tangga selepas kali terakhir dalam kelompok berkenaan di kedudukan kedua pada 18 Januari tahun lalu.

Kedudukan Zii Jia naik selepas pemain Indonesia Jonatan Christie kehilangan mata susulan pencapaian separuh akhir Terbuka China tahun lalu.

Pemain China, Shi Yuqi kekal pemain nombor satu dunia manakala juara Olimpik dua kali, Viktor Axelsen kedua.

Seorang lagi perseorangan lelaki negara Ng Tze Yong jatuh tiga anak tangga di kedudukan ke-25 dunia.

Dalam acara beregu lelaki, pasangan utama negara, Aaron Chia-Soh Wooi Yik jatuh ke kedudukan kelima selepas muncul naib juara Terbuka China tahun lalu.

Rombak barisan jurulatih badminton

SHAH ALAM - Akademi Badminton Malaysia (ABM) dijangka merombak barisan kejurulatihan dalam mesyuarat pengurusan tertinggi pada 24 September, kata Pengarah Kejurulatihan ABM Remy Mainaky.

Beliau berkata mesyuarat itu juga akan membincangkan keperluan mengecilkkan jumlah pemain dalam skuad senior dan remaja kebangsaan, lapor Bernama.

"Setakat ini perbincangan untuk menambah atau merombak jurulatih akan diadakan pada 24 September ini dan melibatkan bahagian perlu sahaja. Sudah ada 'calon', tapi akan dibincangkan dalam mesyuarat nanti," katanya pada 10 September.

Mei lepas Persatuan Badminton Malaysia mengiklankan kekosongan jawatan jurulatih perseorangan lelaki baharu buat skuad senior kebangsaan.



AZMIZAM ZAMAN HURI
Pelabuhan Klang

bemesra dengan peserta
kejujutan bola sepak di
Kota Bayuemas, Klang

MARIAM ABDUL RASHID
Meru

menghadiri program
bimbingan kepimpinan wanita
di pejabat DUN beliau



WONG SIEW KI
Seri Kembangan

melawat projek membaiki
tanah runtuh di Taman
Bukit Serdang, Subang Jaya

DATUK JOHAN ABD AZIZ
Dusun Tua

meninjau program
jualan murah di Taman
Prima Saujana, Kajang



DR GUNARAJ GEORGE
Sentosa

memantau sistem
saliran tersumbat di
Jalan Sungai Jati, Klang

DANIAL AL-RASHID
Batu Tiga

melawat penduduk
sempena Ziarah Peduli
di Seksyen 18, Shah Alam



S PREAKAS
Kota Kemuning

bersama peserta pidato
di Taman Sri Muda,
Shah Alam

SYED AHMAD ALHADAD
Lembah Jaya

memeriahkan aktiviti dengan
penduduk di Taman Dagang
Permai, Ampang Jaya



Sekinchan tarik kedatangan pelawat

SHAH ALAM - Genap 20 tahun sebagai wakil rakyat Sekinchan pada tahun ini, Dato' Ng Suee Lim berbangga menyaksikan pelbagai pembangunan tumbuh di sekitar kawasan berkenaan.

Beliau berkata Sekinchan melalui banyak pertumbuhan, bermula sebagai kawasan kampung dengan sumber utama pertanian, kini menjadi lokasi tarikan agropelancongan terkenal di Selangor.

"Dulu ramai yang tidak kenal Se-



kinchan. Sekinchan hanya kawasan luar bandar biasa. Kita bangunkan menjadi kawasan tarikan pelancongan dengan pemanjangan sawah padi yang memukau.

"Sebelum ini, orang muda tiada peluang kerja di

Sekinchan, sekarang ramai kembali ke Sekinchan dan buka kafe, restoran serta pelbagai tempat menarik," katanya pada 4 September.

Suee Lim, 54, berkhidmat sebagai

wakil rakyat Sekinchan selama lima penggal sejak 2004 dan antara Ahli Dewan Negeri (ADN) paling lama berkhidmat di Selangor.

Beliau juga berhasrat membina hotel bertaraf empat bintang di Sekinchan bagi menampung permintaan pelancong tempatan dan antarabangsa yang kian bertambah.

Katanya, Sekinchan dijangka menerima pertambahan lebih sekali ganda jumlah pelancong apabila Projek Lebuh-raya Pesisiran Pantai Barat (WCE) siap sepenuhnya penghujung tahun hadapan.

Peka kepentingan jaga kesihatan

Lebih 1,200 daftar saringan percuma

Oleh **FITRI HAZIM HAZAM**

SUBANG JAYA - Lebih 1,200 penduduk sekitar Dewan Undangan Negeri (DUN) Subang Jaya mendaftar program saringan kesihatan percuma melalui aplikasi Langkah Masuk Dengan Selamat (SELangkah).

Wakil rakyatnya Michelle Ng Mei Sze memberitahu bilangan pendaftaran itu membuktikan kebanyakan masyarakat di Subang Jaya prihatin terhadap kepentingan dalam menjaga kesihatan.

Beliau menjelaskan hanya 450 orang

diperuntuk setiap hari iaitu 900 orang bagi dua hari program Selangor Saring yang meliputi pelbagai bentuk pemeriksaan.

"Saringan payu dara, fisioterapi, mata, gigi dan buah pinggang jika di luar paling kurang kos RM3,000. Ini menunjukkan Selangor peka terhadap kesihatan rakyat," katanya pada 8 September.

Michelle menambah program di Dewan Majlis Bandaraya Subang Jaya SS15 di sini antara usaha mendidik



rakyat untuk mencegah penyakit dari awal terutama buat golongan kurang berkemampuan.

"Di Subang Jaya, Selangor Saring telah dianjurkan dua kali, penggal lepas 800 orang terima manfaat. Kami buat hebahan program melalui grafik poster dan video.

"Kebanyakan peserta terdiri daripada mereka berpendapatan sederhana, warga emas dan mereka yang tidak mempunyai kemudahan insurans kesihatan," kata beliau.

Cawangan PKM mudahkan interaksi

HULU SELANGOR - Pembukaan cawangan kedua Pusat Khidmat Masyarakat (PKM) Dewan Undangan Negeri (DUN) Batang Kali memudahkan masyarakat untuk berinteraksi dengan pemimpin setempat.

EXCO Perumahan Datuk Borhan Aman Shah percaya inisiatif berkenaan juga membantu pihak penyelarasan menyalur semua inisiatif yang ditawarkan Kerajaan Negeri pada kadar segera.

"Tahniah kepada (Penyelaras DUN

Batang Kali) Saifuddin Shafi Muhammad kerana membuka cawangan kedua PKM, ini satu usaha yang baik dan wajar dicontohi semua Ahli Dewan Negeri," katanya.

Beliau menghadiri majlis doa selamat dan merasmikan pejabat berkenaan di Jalan Adenium 2G/6, Seksyen BB5 Bukit Beruntung di sini pada 7 September.

Saifuddin pula menjelaskan pihaknya mengambil keputusan untuk membuka

PKM cawangan kedua berikutan ada rungutan penduduk setempat lantaran lokasi PKM di Antara Gapi agak jauh.

"Kawasan Batang Kali besar. Saya bekerjasama dengan empat ahli majlis untuk buka cawangan kedua bagi memudahkan masyarakat berkunjung ke sini jika ada sebarang aduan," katanya.

Beroperasi setiap Isnin hingga Jumaat bermula 8 pagi hingga 5 petang, Saifuddin berada di pejabat cawangan itu setiap Selasa, Sabtu dan Ahad.

Pesta buku sasar 300,000 pengunjung

SHAH ALAM - Lebih 300,000 pengunjung dijangka menghadiri Pesta Buku Antarabangsa Selangor (SIBF) 2024 yang dijadual bermula pada 27 November di Pusat Konvensyen Setia City di sini.

Ketua bahagian unit korporat Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor berkata pesta sehingga 3 Disember itu berjalan bersekalikan dengan Sidang Kemuncak Pendidikan Selangor yang julung kali diadakan.

Menurut Zafrullah Aris lagi, SIBF bukan hanya disertai pemain industri tempatan tetapi beberapa negara turut dipelawa menyertainya sekali gus mampu memperluas industri perbukuan.

"Bulan lalu, kita memeterai memorandum persefahaman bersama dua agensi pengendali buku dari China di Guangzhou sempena Pesta Buku China Selatan. Mungkin mereka sertai,

buka pameran.

"Memandangkan program bersekalikan sidang pendidikan, kita juga yakin ramai berkunjung dan lebih daripada 300,000 yang direkodkan tahun lalu," katanya pada 9 September.

Beliau berkata pengunjung juga berpeluang bertemu sasterawan negara sepanjang tujuh hari edisi ketiga ini yang turut menawarkan pelbagai aktiviti menarik termasuk cabutan bertuah.

RM10,000 tampung kos pasang lif

SHAH ALAM - Sebanyak RM10,000 disumbangkan bagi menampung kos pemasangan lif di Masjid Ubudiyah, Seksyen 19, di sini, kata wakil rakyat Dewan Undangan Negeri (DUN) Batu Tiga.

Danial Al-Rashid Haron berkata kemudahan itu bagi memudahkan jemaah terutama golongan warga emas atau orang kelainan upaya (OKU) untuk beribadah di tingkat atas masjid berkenaan.

"Lif dipasang bagi kemudahan warga emas dan OKU naik ke tingkat atas memandangkan masjid ini dua tingkat.

"Tahniah kepada pengurusan masjid yang berusaha memasang lif bagi kemudahan jemaah, diharap sumbangan ini dapat menampung perbelanjaan serba sedikit," katanya yang melawat masjid itu pada 4 September.

Urus niaga nirtunai di medan selera

SHAH ALAM - Medan selera di Alam Impian di sini menjadi premis perniagaan pertama di Selangor menggunakan urus niaga tanpa tunai Platform Selangor (PLATS) sepenuhnya.

Menurut Ketua Yayasan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI Ahmad Azri Zainal Nor, perkhidmatan tersebut bertujuan melengkapkan ekosistem pendigitalan dalam perniagaan.

Beliau menjelaskan pihaknya bekerjasama dengan Unit Perancang Ekonomi Negeri dan pihak berkuasa tempatan bagi mempromosi manfaat PLATS melalui konsep turun padang.

Katanya, MBI menerusi konsep berkenaan mengadakan taklimat dan memberi kupon belanja kepada pengguna seperti dalam program PLATS Masuk Bazar dan PLATS Masuk Pasar.

RM50,000 bantu naik taraf masjid

SHAH ALAM - Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) menyerahkan sumbangan wakaf fiasabilillah RM50,000 kepada Masjid Tengku Ampuan Jemaah, Bukit Jelutong pada 7 September.

Agihan tersebut bertujuan membantu menampung kos baik pulih tembok dan naik taraf tempat wuduk lelaki di pusat ibadah tersebut.

"Semoga sumbangan ini memberi manfaat kepada ahli kariah masjid dan menjadikan jariah yang mengalir kepada pewakaf sehingga akhirat," katanya.

Cek cura itu diserahkan Pegawai Unit Kutipan dan Agihan Bahagian Korporat PWS Muhammad Suffian Assauri Omar kepada Penolong Pengurus Masjid Ustaz Mohd Norzafri Nadri.

Muhammad Suffian turut menyampaikan tazkirah bertajuk Wakaf - Ibadah Berkekalan bagi menyebarkan luas dakwah, kefahaman dan kesedaran serta hikmah berwakaf.

Shah Alam segi tiga emas Selangor

2

Khidmat bas ulang-alik ke pameran udara

2

Rekod RM20.4 juta jualan murah

6

Kadar pengangguran menurun

18

Insentif SUKMA diserahkan November

21

selangorkini

Selangor FC ke separuh akhir Piala Belia

SHAH ALAM - Jaringan pemain gantian Abrisham Fazdir pada masa tambahan membolehkan Selangor FC Bawah 18 tahun (B18) ke separuh akhir Piala Belia 2024 menewaskan Perak FC B18 dengan agregat 3-2.

Terikat 1-1 dalam suku akhir pertama, pasukan pelawat mendahului menerusi gol J Yugendran pada minit ke-36 dalam aksi kedua di Stadium Mini Persada Plus, Petaling Jaya.

Red Giants menyamakan kedudukan 1-1 pada minit ke-69 menerusi Hatif Irfan yang mengheret perlawanan ke masa tambahan.

Aksi separuh akhir pertama menemukan Selangor B18 dan Terengganu B18 di Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah, Kuala Terengganu pada 28 September.

Rewang komuniti diteruskan November

HULU SELANGOR - Program rewang komuniti yang dianjurkan sejak Februari di pelbagai lokasi akan diteruskan semula November depan, kata EXCO perumahan.

Datuk Borhan Aman Shah berkata Rewang Komuniti Strata yang bertujuan menghidupkan budaya masyarakat berinteraksi dan membentuk ikatan sosial akan berlangsung di daerah Hulu Langat.

"Tarikh sebenar belum ditetapkan tapi kita jadualkan November ini di daerah Hulu Langat iaitu di Dewan Undangan Negeri Dusun Tua.

"Sejak dianjurkan tahun lalu, program rewang mendapat sambutan menggalakkan apabila disertai lebih 3,000 penduduk di setiap lokasi.

"Kita lihat penduduk begitu teruja setiap kali pengumuman rewang ini. Program ini dapat merapatkan lagi pemimpin dengan rakyat," katanya pada 7 September.

RAI... Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda Selangor Tengku Amir Shah (tengah) bersama Setiausaha Kerajaan Negeri Dato' Haris Kassim (dua, kanan) dan EXCO Sukan Najwan Halimi (dua, kiri) dalam Majlis Santapan Tengah Hari bersama pegawai dan pemenang emas Sukan Malaysia di Istana Alam Shah, Klang pada 9 September. Foto MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN

► BERITA MUKA 21



Tiga premis dibuka sebelum akhir tahun

Ehsan Mart tawar barangan murah

Oleh **SOFIA NASIR**

GOMBAK - Pasar Raya Ehsan Mart menawarkan barangan keperluan asas sehingga 15 peratus lebih rendah berbanding harga pasaran, kata Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Beliau memberitahu pasar raya kesinambungan program Jelajah Ehsan Rakyat (JER) yang diperkenalkan sejak 2022 akan diperluas ke seluruh Dewan Undangan Negeri (DUN) di negeri ini.

"Kita melangkah setapak lebih jauh dengan memperkenalkan Ehsan Mart se-

bagai platform jualan yang lebih sistematik dan mampan," katanya dalam sidang media pada 8 September.

Amirudin yang juga wakil rakyat Sungai Tua merasmikan pembukaan premis kendalian Perbadanan Kemaajuan Pertanian Selangor pertama untuk penduduk DUN kawasan itu.

Beliau juga menjelaskan dua lagi pasar raya sedemikian akan dibuka pada tahun ini di Pandan Indah dan Hulu Kelang sebelum semua 56 DUN memiliki kemudahan tersebut menjelang 2027.

Katanya lagi, pengumuman JER di-

kurangkan dari semasa ke semasa tertakluk kepada permintaan ekoran pembukaan pasar raya berkenaan yang menawarkan lebih banyak barangan keperluan asas.

"Kita secara perlahan-lahan kurangkan JER untuk beri tumpuan buka pusat jualan seperti ini. JER ada tetapi mungkin ikut permintaan seperti pada musim perayaan," katanya.

Amirudin memberitahu lebih 4,000 lokasi di seluruh negeri dikunjungi golongan berpendapatan rendah sejak JER dilancarkan dengan peruntukan subsidi bernilai RM58.7 juta.

pancawarna

Sasar RM1.3 bilion urus niaga

Pameran Udara Selangor 2024 kukuhkan reputasi negeri sebagai hab aeroangkasa

9-10

Pembentukan Malaysia penuh liku

Bawa anjakan kesedaran politik baharu, kebersamaan rakyat

11

Inspirasi seni bina 1,200 tahun

Sultan Selangor titah jiwai keunikan masjid Dinasti Tang

12-14

